# Citra Budaya

JKKN
Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negara
جاباتن کبوداياٴن دان کسنين نݢارا

ISSN 2462 - 1285 TAHUN KE-11 BIL 1 / 2019



"Beliau berkeupayaan menzahirkan objek menerusi pancainderanya dengan merakamkan aksi keakraban seorang budak dengan beberapa ekor haiwan peliharaan..."

## DALLAH DEEN & "MOWGLI" MALAYSIA



# Coretan Editor

Setiap insan diberi satu keupayaan untuk melakukan perubahan demi kepentingan dan kebaikan semua pihak. Kemampuan mencipta dan memahami sesuatu pemikiran dianggap sebagai satu nilai penting dalam kalangan manusia. Justeru, kita seharusnya menggunakan sebaik mungkin kurniaan yang diberikan. Berusahalah untuk menjadi yang lebih baik kerana setiap kegagalan pasti akan muncul kejayaan.

*"Suatu pemikiran yang muncul akan menjadi lebih baik sekiranya pemikiran dan pandangan itu dilontarkan dan mendapat pandangan daripada pihak yang lain."*
**– Enrile Chartier**

NOOR SEELA NOOR SULAIMAN
KETUA EDITOR


## SIDANG EDITORIAL

JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA

YBHG. TAN SRI NORLIZA ROFLI
KETUA PENGARAH

YBRS. ENCIK ROSLI BIN OSMAN
TIMBALAN KETUA PENGARAH
(SEKTOR DASAR DAN PERANCANGAN)

YBRS. HJ MESRAN BIN MOHD YUSOP
TIMBALAN KETUA PENGARAH
(SEKTOR KEBUDAYAAN DAN KESENIAN)

KETUA EDITOR
- NOOR SEELA BINTI NOOR SULAIMAN

EDITOR DAN PENYELARAS
- ZURIAH BINTI MOHAMAD
- WAN NUR JASMIN BINTI WAN ZAHARIMAN

PEMBANTU PEREKA GRAFIK/KREATIF DAN FOTO
- BAFTI HERA BINTI ABU BAKAR
- MUHAMMAD ASYRAF BIN REZALI

SIDANG REDAKSI
- UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
- BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
- CAWANGAN PENTADBIRAN
- CAWANGAN SUMBER MANUSIA
- CAWANGAN KEWANGAN
- BAHAGIAN PENGEMBANGAN SENI BUDAYA
- BAHAGIAN BIMBINGAN SENI BUDAYA
- BAHAGIAN PEMBANGUNAN PRODUKSI DAN ARTISTIK
- BAHAGIAN PENGUKUHAN SENI DAN BUDAYA
- CAWANGAN PERANCANGAN DAN PENYELARASAN DASAR
- CAWANGAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
- BAHAGIAN PEMBANGUNAN PRODUK SENI BUDAYA
- CAWANGAN DOKUMENTASI DAN PENERBITAN
- BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN
- JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA NEGERI-NEGERI

PENYELARAS PENGEDARAN
- MUHAMMAD FAIZAL BIN RUSLEE

PUSAT SUMBER SENI BUDAYA
- SITI ANISAH BINTI ABD. RAHMAN



**CITRA BUDAYA JKKN** merupakan penerbitan yang berperanan dalam menyampaikan wadah dan matlamat kepada masyarakat dalam usaha merealisasikan penyemarakan dan pemeliharaan seni budaya. Ia diterbitkan dua (2) kali setahun.

Sidang editorial CITRA BUDAYA JKKN sangat mengalu-alukan sumbangan anda dalam sebarang bentuk karya seperti artikel, rencana, pantun, puisi, cerpen dan sebagainya.

Sila hantarkan sumbangan anda kepada:
Cawangan Dokumentasi dan Penerbitan,
Aras 30, Menara TH Perdana, Lot 1001, Jalan Sultan Ismail, 50250, Kuala Lumpur.

**Email : penerbitan@jkkn.gov.my**

# SELAMAT DATANG
## WELCOME

JKKN
JABATAN KEBUDAYAAN & KESENIAN NEGARA
جباتن كبوداياءن دان كسنيان نݢارا
NATIONAL DEPARTMENT FOR CULTURE & ARTS

## CAWANGAN DOKUMENTASI & PENERBITAN
### DOCUMENTATION & PUBLICATION DIVISION



# ISI KANDUNGAN


4. KATA ALU - ALUAN: KETUA PENGARAH JKKN
5. RENTAK SEMANTAHAN: KARYA RIWAYAT HIDUP PAHLAWAN AGUNG
6. NGAMBAT IKAN DI TERENGGANU
9. ADAT BEBAYUH : SUKU KAUM MELANAU, SARAWAK
11. ADAT MENDIRIKAN RUMAH LAMIN SUKU KAUM IBAN, SARAWAK
13. ADAT PERKAHWINAN SUKU KAUM IBAN, SARAWAK
14. ADAT NGOCONG SUKU KAUM SELAKO, SARAWAK
15. REKAAN KARAKTER ANIMASI
16. 8TH WORLD SUMMIT ON ARTS & CULTURE KUALA LUMPUR 2019
20. WARISAN PURBA JELAI: GENDANG PAHANG
21. DALLAH DEEN & MOWGLI MALAYSIA
24. NORDIN AHMAD: IKON PURBAWARA MELAYU
27. SIAPA WANITA DISEBALIK LAGU AZIZAH?
29. KERIS WARISAN MELAYU
31. TUMBUHAN DAN HERBA KEKAYAAN YANG TIDAK TERNILAI
33. SUDUT PUISI
34. ADAT PINGIRIH SUKU KAUM BIDAYUH, SARAWAK
35. KEBUDAYAAN & KESENIAN SUKU KAUM MOMOGUN RUNGUS
37. PERANAN REVOLUSI INDUSTRI 4.0 DALAM PEMBANGUNAN INDUSTRI SENI BUDAYA
39. TARIAN KOLATTAM






*Menyeberang paya berhati-hati*
*Jangan berangan melayan rasa*
*Seni budaya kukuh di hati*
*Ini perjuangan anak jati bangsa*

*Cincin emas cincin suasa*
*Belah rotan letak di para*
*Pertahankan budaya warisan bangsa*
*Khazanah negara kita pelihara*

*Sepak raga permainan jejaka*
*Melantun jatuh depan si dara*
*Malaysia negara pelbagai budaya*
*Tamadun kehidupan sesebuah negara*

*YBhg. Tan Sri*
# *Norliza Rofli*

**KETUA PENGARAH**
**JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA**

Mohd Abdul Fazli Abdul Razak



# Rentak Semantahan

## Karya Riwayat Hidup Pahlawan Agung

Rentak Seman'Tahan adalah garapan dari riwayat hidup pahlawan Pahang, Dato' Bahaman (atau dikenali sebagai Seman'Tahan). Gerak asas tarian ini banyak mengisahkan tentang ketangkasan dan ketahanan beliau sebagai seorang pahlawan. Rentak Seman' Tahan ditarikan dalam bentuk tarian joget.

### RIWAYAT DATO' BAHAMAN

Dato' Bahaman ialah anak kepada Tuanku Imam Nuh yang berasal dari Bangkinang, Kampar, Sumatera, dan Rokiah Abdul Rahman, anak perempuan Tok Setia Perkasa Semantan berketurunan Bugis dari Sulawesi Selatan. Dato' Bahaman merupakan seorang yang pandai bersilat dan mempunyai ilmu kebal. Kelebihan ini telah menyebabkan Dato' Bahaman digelarkan 'Seman Tahan' oleh penduduk di sekitar kawasan itu sehingga sungai yang tidak bernama ketika itu diberi nama Sungai Seman Tahan dan seterusnya menjadi tempat persinggahan British. Dato' Bahaman juga dikatakan pernah menjadi anak angkat kepada Bendahara Ali dan menjadi rakan sepermainan kepada Sultan Ahmad ketika muda. Apabila Sultan Ahmad menaiki takhta, Dato' Bahaman terus menabur bakti kepada tanah airnya.

### ANUGERAH

Dato' Bahaman telah diangkat sebagai salah seorang Orang Besar Berlapan dan dianugerahkan dengan gelaran Dato' Setia Perkasa Pahlawan Semantan. Gelaran itu disandang kerana beliau telah menunjukkan sikap serta kebolehannya sebagai panglima dalam Perang Saudara antara Sultan Ahmad dan adinda baginda, Wan Mutahir serta memimpin pasukan Pahang untuk membantu Tengku Kudin dalam Perang Saudara di Klang, Selangor. Selepas kematian Orang Kaya Indera Segara, Dato' Bahaman telah dilantik oleh Sultan Ahmad sebagai Orang Kaya Temerloh. Dengan pangkat tersebut, kedudukan Dato' Bahaman adalah sedarjat dengan Orang Besar Berempat dan seringkali diajak berunding oleh baginda Sultan Ahmad.

### GARAPAN KISAH HIDUP KEPADA PERSEMBAHAN PENTAS

Dato' Bahaman atau Seman'Tahan merupakan seorang pahlawan Melayu Pahang yang dikagumi kerana kekebalan dan kekuatannya. Walau bagaimanapun, beliau turut meminati syair dan gurindam. Beliau juga merupakan seorang guru agama. Rentak Seman'Tahan dicipta dan ditarikan dalam bentuk Tarian joget. Kesantunan dan kelincahan gerak joget masih dikekalkan malah diselitkan elemen silat. Di sebalik kisah ini terdapat para gadis yang merupakan Srikandi yang menjadi simbol semangat para pejuang pahlawan Melayu Pahang dengan memberikan suapan sirih semangat dan turut dijadikan gerak tari di dalam tarian Rentak Seman'Tahan ini.

Terdapat enam gerak asas dalam tarian ini dan semuanya berunsurkan gerak silat dan joget. Antaranya, Gerak Tahan, Pancung Tempur, Suap Semangat, Silang Tempur, Silat Tahan, dan Silang Kaut. Rentetan kisah pahlawan Melayu Dato' Bahaman, maka terhasilah gerak tarian yang diberi nama 'Rentak Seman'Tahan' yang dikoreografikan oleh Mohd Abdul Fazli Bin Abdul Razak (Artis Budaya Tari, JKKN Pahang)

Umi Abdullah

# NGAMBAT IKAN DI TERENGGANU

## CIPTA BUDAYA CAKNA



Budaya dari sudut makna Kamus Dewan telah didefinisikan sebagai tamadun, peradaban, kemajuan fikiran yang di dalamnya terkandung akar budi (cara berfikir, berkelakuan dsb). Namun begitu, budaya ini dapat difahami dengan lebih luas dan banyak cabang pengertiannya. Yang paling mudah difahami berkaitan budaya ialah perlakuan atau keadaan dan seluruh aspek pemikiran yang merebak serta diikuti dan diwarisi dari satu generasi ke satu generasi, yang mana perlakuan dan aspek pemikiran yang dipelajari ini boleh disimpulkan sebagai cara hidup. Budaya ialah suatu cara hidup. Cara hidup yang menggambarkan perbandingan perbezaan antara suatu bangsa dengan suatu bangsa yang lain, perbezaan antara suatu masyarakat dengan suatu masyarakat yang lain, perbezaan antara suatu keluarga dengan suatu keluarga yang lain. Sesungguhnya budaya amat penting dalam mengenali isi kandung sesuatu bangsa, masyarakat dan keluarga.

"..kebudayaan merupakan satu keseluruhan yang kompleks yang mengandungi ilmu pengetahuan, kepercayaan, kesenian, kesusilaan, undang-undang, adat resam dan lain-lain kebolehan serta kebiasaan yang diperolehi oleh manusia sebagai anggota masyarakat."(Rujukan sumber dari buku Seminar Kefahaman Budaya, terbitan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia - Disember 1999)

Ngambat ikan, antara budaya yang masih diraikan dan merupakan salah satu perlakuan yang dipelajari dari zaman

nenek moyang serta kekal releven diwarisi sehingga kini oleh masyarakat Hulu Terengganu iaitu di Kampung Pengkalan Ajal, Kuala Berang, Hulu Terengganu. Aktiviti kampung ini menjadi medan penyatuan setiap penduduk.

## KENALI BUDAYA NGAMBAT IKAN

Ngambat merupakan dialek orang Terengganu bagi maksud menghambat. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat menghambat ialah perbuatan memburu atau mengejar dan juga perbuatan menahan, menghalang, menyekat dan merintangi. Ngambat ikan ini merupakan salah satu aktiviti menangkap ikan secara tradisional yang dilakukan pada setiap musim kemarau. Kebiasaanya musim kemarau ini berlaku pada bulan April dan Mei pada setiap tahun. Aktiviti ini dilakukan pada musim kemarau kerana pada musim ini, terdapat banyak kumpulan ikan dan air sungai yang jernih membantu untuk menangkap lebih banyak ikan. Di Hulu Terengganu, sungai yang biasa diadakan acara ngambat ikan ini ialah di Sungai Berang yang terletak di Kampung Pengkalan Ajal Kuala Berang. Sungai ini menjadi pilihan untuk ngambat ikan kerana terdapat banyak lubuk ikan yang merupakan perkara utama yang perlu dititikberatkan sebelum aktiviti ini dijalankan.



Salah satu lubuk yang terdapat di sungai ini ialah Lubuk Jelur dan aktiviti mengambat akan bermula daripada Lubuk Jelur ini. Pemilihan lubuk akan ditentukan oleh seseorang yang mahir dalam mengenal pasti lubuk yang mempunyai banyak ikan dan sesuai untuk aktiviti mengambat ikan. Setelah lubuk dikenal pasti, persiapan peralatan untuk mengambat ikan akan dipasang bermula dari lubuk tersebut hingga ke lokasi yang dikenal pasti tempat terakhir ikan terperangkap.

Antara peralatan yang digunakan untuk aktiviti ini ialah jala yang bertujuan untuk memerangkap sekumpulan ikan yang turun melalui lubuk ke tempat tahanan. Kayu pemacak digunakan untuk mengikat jala dan ranting-ranting pokok serta buluh digunakan sebagai alat untuk mengambat ikan.

Ikan mula dihambat apabila sekumpulan penduduk seramai 20 hingga ke 30 orang berkumpul di Lubuk Jelur dan mereka akan menepuk ranting-ranting pokok dan buluh tersebut di atas permukaan air. Bunyi yang dikeluarkan melalui perbuatan menepuk ini akan mengarahkan ikan-ikan dari dalam lubuk keluar menuju ke laluan jala yang telah disediakan. Ikan-ikan ini akan dihambat mengikut laluan yang telah dibuat sehingga menuju ke lokasi terakhir tempat ikan-ikan ini terperangkap yang dipanggil sebagai Bunuhan.

Bunuhan merupakan lokasi terakhir ikan-ikan ini berkumpul dan akan terlekat pada jala-jala. Lokasi Bunuhan ini biasanya berhampiran dengan tebing sungai. Di Bunuhan ini jugalah bermulanya pesta menangkap ikan. Pesta ini kelihatan meriah apabila segenap lapisan masyarakat sama-sama turun ke sungai untuk mengutip ikan-ikan yang terperangkap. Ikan-ikan yang terperangkap pada jala di Bunuhan ini akan dibawa ke tebing sungai untuk dibahagikan kepada penduduk kampung dan sebahagiannya akan dimasak untuk dimakan bersama-sama apabila acara ngambat ikan selesai. Hasil tangkapan bergantung sepenuhnya kepada keadaan cuaca. Sekiranya cuaca baik dan air sungai jernih hasil tangkapan boleh menjangkau antara 1000 ke 3000 ekor ikan dengan pelbagai jenis kumpulan ikan antaranya ikan Sebarau, Lampam dan Kelah.



Suasana meriah dapat dirasa apabila kanak-kanak, remaja dan orang tua sama-sama bergembira bermandi manda sambil mengutip ikan yang terlekat pada jala. Ketika ini juga unggun api telah tersedia untuk memasak hasil tangkapan. Para wanita yang berada di tebing sungai akan memasak hasil tangkapan untuk dijamu kepada seluruh penduduk yang hadir pada hari pesta ini. Menu utama ialah asam pedas tempoyak, ikan bakar bersama ulam-ulam daun kayu, budu dan sambal belacan. Masakan ini sangat menyelerakan dan suasana meriah sekali.

Kemeriahan dan keseronokan ini tidak dapat dibayar dengan wang ringgit tetapi hanya dapat dirasai jika sama-sama menyertai aktiviti ini. Segala persiapan dibuat secara bergotong-royong dan bekerjasama oleh penduduk kampung. Masing-masing datang dengan kepakaran dan keperluan  yang diperlukan untuk acara ngambat ikan. Mereka mengetahui peranan dan tanggungjawab yang perlu dilakukan untuk menjayakan acara ini. Warga emas hadir dengan ilmu dan pengalaman untuk diperturunkan kepada generasi muda. Manakala generasi muda pula hadir dengan tenaga dan kepakaran terkini untuk merealisasikan harapan dan kehendak si tua. Hebat! dan sangat tinggi nilai budaya yang ditunjukkan melalui acara ngambat ikan ini. Nilai saling perlu memerlukan serta hormat menghormati yang jarang dilihat dewasa ini direalisasikan secara tidak langsung oleh penduduk Kg. Pengkalan Ajal untuk menjadi model dan contoh kepada seluruh rakyat Malaysia amnya.

Budaya Ngambat ikan di Terengganu kelihatan seperti aktiviti kampung, ringkas, tidak berprotokol tetapi sangat memberi impak dalam membentuk perpaduan, persefahaman, kerjasama serta saling mengambil cakna di antara satu sama lain. Hasil daripada kecaknaan ini akan mengenali setiap genap masyarakat kampung dan segala musibah yang menimpa kampung dapat ditangani dengan baik serta segala perancangan aktiviti ke arah pembangunan kampung mudah dilaksanakan dengan jayanya kerana hasil daripada kecaknaan, persefahaman dan perpaduan melalui aktiviti budaya tersebut.

Hasil daripada kecaknaan penganjuran aktiviti budaya dilihat dapat memberi impak ekonomi kepada negara melalui penjualan produk budaya itu sendiri. Budaya Ngambat Ikan contohnya mempunyai keunikan tersendiri yang mungkin tiada di mana-mana negara. Keunikan inilah yang dapat dijual menjadi produk komersial untuk membantu perkembangan ekonomi melalui kehadiran lebih ramai pelancong dari dalam dan luar negara yang secara tidak langsung merancakkan lagi aktiviti ekonomi penduduk sekitarnya.

Aktiviti budaya seperti ini tidak boleh dipandang sepi, ia perlu diambil cakna penganjurannya dan perlu diteruskan dari satu generasi ke satu generasi agar penerusan budaya ini dapat bertahan lebih lama dan menjadi identiti yang boleh memberi kesan komersial kepada penduduk dan tempat tersebut. Nilai tambah kepada aktiviti budaya ngambat ikan ini adalah sebahagian daripada proses pembangunan identiti untuk mencapai tahap keutuhan peribadi dan perilaku yang mulia dan berbudi bahasa. Jangan dipandang corot aktiviti budaya. Kerana melalui aktiviti budaya ini jugalah dapat menyatukan kita seluruh rakyat Malaysia hidup dalam aman dan sejahtera.



*Orang Cina menghisap madat*
*Madat ditaruh di dalam cembul*
*Hidup manusia dikandung adat*
*Adat rumah dilingkung bendul*

*Orang mengail di hujung bendul*
*Dapat seekor ikan kelah*
*Adat sirih memanjat junjung*
*Junjung dijajar dari bawah*

*Sudah roboh Kota Melaka*
*Pada cerita terus terbayang*
*Pantun dan adat budaya kita*
*Pusaka Peninggalan nenek moyang*



Perkongsian Info:
**Pemetaan Budaya**

*"Semangat Ipok memasuki badan pesakit untuk merawatnya. Pesakit kemudian memijak serpihan kaca. Tarian seladai bermula ditarikan oleh tujuh orang lelaki dan tujuh orang perempuan yang belum berkahwin. Bomoh membawa isem pesai mengelilingi penari..."*

# ADAT BEBAYUH

## Suku Kaum Melanau, Sarawak

KAUM MELANAU adalah salah satu kaum yang terbesar di Sarawak dan tinggal di kawasan Mukah. Sebahagiannya beragama Islam dan Kristian. Kaum Melanau masih mengamalkan kepercayaan animisme yang memuja semangat Ipok iaitu manifestasi kekuatan dan kuasa alam. Ipok terdiri daripada Ipok Laut, Ipok Balau yakni hutan, Ipok Sarauang yakni langit dan Ipok Iyang yakni tanah. Dalam perubatan tradisional, manusia sakit kerana ketidakseimbangan badan dan tenaga alam melalui semangat jahat. Justeru, wujud Adat Bebayuh iaitu amalan perubatan animisme kaum ini.

## Hari Pertama

Pada malam pertama bomoh sendirian di rumah setelah diberitahu berkenaan ada seseorang yang terkena penyakit. Bomoh tawar menawar dengan 'semangat' termasuk mendapatkan permintaannya untuk upacara Bebayuh nanti.

## Hari Kedua

Hari kedua melibatkan pesakit dan bomoh di rumah bomoh atau di rumah pesakit bergantung kepada permintaan 'semangat'. Pada malam itu juga bomoh memaklumkan keluarga pesakit mengenai permintaan 'semangat'. Penyediaan bahan dilakukan pada malam esoknya. Tarian Seladai dipersembahkan.





## Hari Ketiga

Bahan-bahan untuk upacara Bebayuh ialah mayang pinang, pucuk mentel, isem pisai (daun palas kering yang akan dianyam seperti mayang pinang), bunga melur, dupa, gendang genayang, lilin, dan serpihan kaca di atas kain putih. Dupa dibakar memulakan upacara dengan bacaan mantera menggunakan bahasa 'semangat' iaitu 'semangat' penjaga bomoh itu sendiri, sambil bomoh memalu gendang genayang yang digunakan untuk mengesan penyakit pesakit. Lilin dinyalakan di dalam gendang yang kemudian diletakkan di atas muka bomoh. Para pemuzik lain memainkan tadak, gendang tabuan, kulintangan, beduk, tetawak gong dan canang. Selesai mengesan penyakit, lilin itu ditelan bomoh. Mayang pinang diulit di badan pesakit. Semangat Ipok memasuki badan pesakit untuk merawatnya. Pesakit kemudian memijak serpihan kaca. Tarian seladai bermula ditarikan oleh tujuh orang lelaki dan tujuh orang perempuan yang belum berkahwin. Bomoh membawa isem pesai mengelilingi penari.

## Hari Keempat hingga hari keenam

Kegiatan pada malam-malam ini adalah seperti malam kedua. Pesakit perlu melalui pantang larang seperti tidak boleh memakan ikan pari dan jerung, serta kacang dan telur.

## Hari Ketujuh

Malam terakhir ini adalah 'malam putus ubat'. Pesakit perlu menyediakan 'pengeras' iaitu emas, lembing kecil (dibuat daripada tulang – untuk makanan 'semangat'), dan ayam hidup.

# ADAT MENDIRIKAN RUMAH LAMIN ATAU RUMAH PANJANG SUKU KAUM IBAN, SARAWAK

Rumah Lamin, juga dikenali sebagai Rumah Panjang, berbentuk empat segi dengan panjang sehingga 300 meter dan lebar sehingga 25 meter yang didirikan secara menghadap ke arah sungai. Rumah ini mempunyai beberapa unit rumah secara bersambung dan setiap satunya dimiliki oleh keluarga tertentu secara berasingan.

Di dalam setiap unit rumah mempunyai dua bahagian utama iaitu ruang tertutup tempat tidur dan dapur, serta ruang terbuka atau ruai atau serambi. Terdapat dinding yang mengelilingi ruang peribadi sebagai sempadan bagi setiap unit rumah. Terdapat juga dinding yang dibina untuk memisahkan ruang peribadi dan ruai. Pintu dipasang membolehkan penghuni keluar masuk ruang peribadi.

Persekitaran rumah akan diletak patung-patung besar daripada kayu untuk tujuan ritual sebagai persembahan kepada nenek moyang mereka. Terdapat tujuh peringkat dalam membina rumah ini, iaitu:

*Peringkat Satu:*

## MERAMU ATAU MENGUMPUL BAHAN BINAAN

Tuai (Ketua) Rumah berbincang dengan pengikutnya mengenai keperluan membina sebuah rumah lamin baru. Setelah mencapai persetujuan, setiap keluarga mengumpulkan bahan-bahan binaan secukupnya seperti tiang, alang, kasau dan papan. Dengan bantuan Tuai Burung (burung yang bertindak sebagai tukang tilik) tuai rumah akan menentukan tarikh bertuah untuk membersihkan tapak rumah lamin.

*Peringkat Kedua:*

## TUAI BURUNG

Beberapa hari sebelum membersih tapak rumah, tuai rumah ke hutan untuk mencari alamat atau petanda baik. Sekiranya rumah lamin baru itu dibina di hilir sungai dan di tapak rumah sebelumnya maka dia cuba mencari bunyi burung Nendak di kanannya. Apabila terdengar bunyi burung itu dia akan mencabut sebatang anak pokok, dipanggil 'tambak burung' di kawasan tersebut untuk menandakan kejadian itu, dan membawa balik anak pokok itu untuk disimpan. Keesokannya tuai rumah ke hutan lagi untuk tujuan yang sama dan mengulangi tindakan yang sama. Pada awal pagi hari ketiga dia ke hutan lagi dan kali ini untuk mencari bunyi burung dari arah kirinya pula serta mengulangi tindakan yang sama apabila terdengar bunyi burung itu.



*Peringkat Ketiga:*
## MEMBERSIH TAPAK / NGEMBERANG / BAKAR TAMBAK BURUNG

Pada awal pagi pembersihan tapak, tuai rumah membakar tempat pembersihan tapak iaitu di tengah-tengah tapak baru sebelum memimpin untuk memulakan kerja-kerja pembersihan. Setelah selesai, ahli keluarga mengumpulkan semua bahan binaan di tapak unit rumah baru masing-masing.

*Peringkat Keempat:*
## MERENJIS DARAH KHINZIR BETINA DAN BERDOA PADA TUHAN SERTA ROH

Selepas pembersihan tapak, maka dilaksanakan pula adat mendirikan tiang utama rumah dan kemudian diikuti tiang unit rumah lain. Sebelum itu, tuai rumah akan merenjis darah khinzir betina dewasa sambil membaca doa ringkas memohon Tuhan dan roh-roh, terutama roh-roh nenek moyang, merahmati rumah baru mereka, serta supaya penghuninya mencapai kejayaan dalam tindakan mereka pada masa depan.

*Peringkat Kelima:*
## MEMASUKKAN GARAM KE LUBANG TIANG

Selepas doa dibaca tiang rumah dimasukkan ke dalam lubang berserta garam, seketul kecil emas, kulit-kulit buah langgir dan seranting pohon rendah yang tumbuh di sepanjang dasar sungai.

*Peringkat Keenam:*
## MENDIRIKAN BUMBUNG RUMAH

Bumbung rumah kemudiannya didirikan dengan segera dan tersusun.

*Peringkat Ketujuh:*
## TUAI RUMAH MEMIMPIN KELUARGA MASUK BILIK

Selepas doa dibaca tiang rumah dimasukkan ke dalam lubang berserta garam, seketul kecil emas, kulit-kulit buah langgir dan seranting pohon rendah yang tumbuh di sepanjang dasar sungai.





Gambar di atas adalah contoh rumah Sarawak yang dikenali sebagai rumah panjang. Mempunyai struktur binaan yang panjang dan bangunan yang tinggi.
(Rumah panjang yang sebenar di Sarawak jauh lebih panjang dan tinggi)



# ADAT PERKAHWINAN SUKU KAUM IBAN

Etnik ini adalah yang terbesar di Sarawak dan sangat berpegang kepada adat serta budaya mereka. Salah satunya adalah adat dan budaya majlis perkahwinan yang dianggap sangat istimewa bagi masyarakat ini.



Adat perkahwinan bagi etnik Suku Kaum Iban, bermula dengan adat 'merisik' atau lebih dikenali sebagai 'berbunga-bunga' atau 'berjarum-jarum', kemudian diikuti dengan majlis bertunang.

Majlis perkahwinan (melah pinang) akan dimulakan dengan pengantin lelaki yang memakai pakaian tradisional suku kaum ini diarak dalam rombongan menaiki kenderaan atau jong ke rumah pengantin perempuan dan diiringi paluan gong. Ketibaan mereka disambut dengan satu das tembakan senapang sebagai tanda. Rombongan pengantin perempuan turun ke sungai untuk mandi bersama-sama dengan rombongan pengantin lelaki sebagai tanda permulaan silaturahim antara rombongan pengantin lelaki dan rombongan pengantin perempuan.

Upacara perkahwinan bermula dengan perbincangan di ruai dengan hidangan air tuak. Pengantin perempuan meminta berian (hantaran) yang nilainya bergantung kepada ketetapan penduduk kampung. Terdapat juga barangan hantaran lain, iaitu:

1. Bayaran pemecah tangga iaitu sebilah beliung
2. Bayaran pembuka pintu iaitu sebatang lembing
3. Bayaran pembuka kelambu iaitu sebilah pedang
4. Bayaran-bayaran lain yang bersesuaian

Upacara 'membelah pinang' menentukan tempoh jodoh kedua-dua pengantin. Pinang tersebut kemudian diagihkan kepada hadirin. Dengan ini upacara perkahwinan dianggap tamat, dan majlis bersanding hanya dilakukan di sebelah malam sahaja. Sekiranya ada kesalahan atau kesilapan semasa majlis perkahwinan itu, pengantin baru akan mandi di sungai untuk membersihkan diri. Mereka juga diminta memegang sehelai kain sepanjang tujuh ela sebagai tanda dan percaya bahawa kesalahan setiap individu akan terhapus.



# ADAT NGONCONG

## SUKU KAUM SELAKO, SARAWAK

Suku Selako yang berasal dari Borneo terdapat di kawasan Lundu, Sematan, Bengkayang dan Sambas. Ngoncong adalah kaedah perubatan yang dipercayai amat berkesan mengubati penyakit pelik yang berkaitan dengan makhluk halus dan ilmu hitam. Upacara ini mempunyai beberapa peringkat dan biasanya dilakukan di rumah pesakit. Pesakit akan duduk atau berbaring di tengah rumah. Manakala hadirin akan duduk dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh mengganggu perjalanan upacara. Peralatan muzik seperti biola, gong dan rebana akan dimainkan seketika.





Pengoncong memulakan bacaan mantera yang menyeru semangat atau roh tertentu untuk membantunya mencari semangat si pesakit yang dipercayai terpisah dari tubuhnya. Pengoncong bertindak sebagai pengantara di antara pesakit dan roh tersebut. Kemudian si pengoncong tidak sedarkan diri dan dalam keadaan sebeginilah ia mendapatkan semangat si pesakit yang terpisah dari dirinya. Si pengoncong merasa lemah dan tidak berupaya untuk berdiri. Justeru, ia memerlukan penolong yang dipanggil Si Penadek.

Si penadek membantu pengoncong pergi kepada si pesakit di tengah ruang tamu. Pada masa itu, tangan si pengoncong akan digenggam erat, yang dipercayai mengandungi semangat si pesakit. Si pengoncong memasukkan semula semangat pesakit ke badannya melalui telinga si pesakit dengan cara meletakkan tangannya yang tergenggam.

Selesai upacara ini, giliran si pengoncong pula untuk disedarkan dengan bantuan si penadek yang memerlukan bahan-bahan seperti air tawar dan mayang pinang. Si penadek menepuk muka si pengoncong menggunakan mayang pinang yang dicelupkan ke dalam air tawar. Upacara ini selesai sebaik sahaja si pengoncong sedar.



**Rasfan Abu Bakar**
Pensyarah di Akademi Seni Budaya & Warisan Kebangsaan (ASWARA)
www.rasfan.com
*(Terima kasih atas kebenaran untuk berkongsi artikel ini)*

# REKAAN KARAKTER ANIMASI

**Setiap animasi mempunyai ciri-ciri karakternya yang tersendiri, yang akan memisahkan di antara satu karakter dengan karakter yang lain. Ciri-ciri tersebut adalah gaya, pakaian, sikap serta peralatan yang dibawa oleh karakter tersebut.**



Karya : ***Ahmad Fadhuli Rozaki***

## WARNA

**memainkan peranan yang besar dalam pembinaan sesuatu karakter. Warna-warna ini berkait rapat dengan latar belakang sesuatu cerita. Sekiranya penceritaan berkisarkan persekitaran kampung, warna dan rekaan wataknya akan kelihatan berbeza dengan perwatakan di bandar.**



Karya : ***Izzat Amzan***



Karya : ***Muhammad Syakirin***

## EKSPRESI

**Ekspresi wajah turut memainkan peranan penting dalam rekaan sesuatu karakter. Emosi wajah akan berbeza dengan karakter yang lain , bergantung kepada perwatakan karakter seperti marah, sedih, gembira dan sebagainya.**



Karya : ***Muhammad Nor Arief***

**Karya karakter animasi adiwira yang dihasilkan oleh pelajar Fakulti Animasi & Multimedia ASWARA.**

# 8th WORLD SUMMIT ON ARTS & CULTURE

## KUALA LUMPUR 2019

Sidang Kemuncak Dunia Mengenai Seni dan Budaya Ke-8, 2019 (*8th World Summit on Arts and Culture*) 2019 telah berlangsung pada 11 hingga 14 Mac 2019 di Kuala Lumpur Performing Arts Centre, Kuala Lumpur. Seramai 460 peserta dari 81 buah negara telah menghadiri persidangan ini yang terdiri daripada 299 peserta antarabangsa dan 161 peserta tempatan. Program ini adalah anjuran bersama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia bersama *International Federation of Arts Councils and Culture Agencies (IFACCA).*

Persidangan yang bertemakan *"Mobile Minds: Culture, Knowledge and Change"* ini bertujuan untuk perkongsian maklumat terkini, idea dan inovasi secara holistik untuk dimanfaatkan. Selain itu, persidangan ini turut menyalurkan pelbagai maklumat bagi membangunkan dan menggubal dasar-dasar, serta berkongsi amalan terbaik dalam mencorakkan agenda pembangunan mampan di Malaysia dan negara dunia, melalui bidang seni dan budaya, seiring dengan perubahan dan cabaran global yang bakal dihadapi pada abad ke-21.

Tema tersebut telah diilhamkan oleh JKKN secara bersama dengan pihak IFACCA dan Jawatankuasa Penasihat Program Antarabangsa *(International Program Advisory Committee)* dengan mengambil kira perubahan dan cabaran global yang pesat berlaku dan kepentingan mengadaptasikan keadaan ini, agar seni dan budaya dapat terus menyumbang kepada kelestarian pembangunan serta kesejahteraan masyarakat sedunia.

Majlis Pembukaan persidangan telah diadakan di Taman Botani Perdana Kuala Lumpur pada 11 Mac 2019 dan disempurnakan oleh YBhg. Datuk Isham Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Majlis turut dihadiri oleh YBhg. Dato' Nor Hisham bin A Dahlan, Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Mr. Stephan Wainright selaku pengerusi IFACCA. Manakala majlis penutup telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Norliza Rofli, Ketua Pengarah, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara pada 14 Mac 2019 di Kuala Lumpur, Performing Arts Centre.




YBhg. Tan Sri Norliza Rofli,
Ketua Pengarah, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

Ucapan alu-aluan *(welcoming remark)* persidangan telah disampaikan oleh YB. Datuk Mohamaddin bin Ketapi, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya pada 12 Mac 2019. Persidangan terbahagi kepada enam (6) sesi forum, 12 sesi selari *(parallel sessions)*, enam (6) sesi meja panjang *(long table sessions)* dan tujuh (7) sesi bengkel yang diadakan bagi membincangkan 7 kertas kerja persidangan. Satu (1) kertas kerja telah dibentangkan oleh peserta dari Malaysia iaitu YAM Tunku Zain Al-'Abidin, Presiden Pengasas Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi. Secara keseluruhan, seramai 78 orang *speakers*/moderator telah dilantik untuk menjayakan sesi persidangan dengan 9 orang daripada jumlah tersebut adalah dari Malaysia.




Antara tajuk pembentangan dalam persidangan ini adalah merangkumi bidang penyelidikan, pengurusan pengetahuan, literasi, media baru mengenai seni budaya, perkhidmatan maklumat, kepimpinan, pembangunan sumber manusia, pengurusan dan pemasaran seni budaya. Persidangan turut dimanfaatkan dengan mengadakan komunikasi dua hala dalam usaha mengenalpasti kaedah mewujudkan jaringan dan kerjasama di antara pihak kerajaan, pihak swasta, pemimpin serta penggiat seni, bagi menjayakan agenda pembangunan seni dan budaya yang mampan secara kolektif dalam menghadapi cabaran dan perubahan global yang berlaku.

Sepanjang berlangsungnya persidangan, beberapa program sokongan dan yang berkaitan *(associated events)* turut diadakan untuk dimanfaatkan oleh delegasi-delegasi diantaranya adalah:

(i) **Pameran dan Jualan** yang telah diadakan dari 11 hingga 14 Mac 2019 yang disertai oleh pempamer dari dalam negara yang merangkumi agensi kerajaan, persatuan dan pengiat seni budaya tanah air. Di antaranya adalah pameran demonstrasi kraf oleh kaum Penan, demonstrasi mencanting Batik, demonstrasi membuat seramik, aktiviti Rawatan Spa & Henna Painting dan demonstrasi dan jualan serta pameran maklumat *Young Art Entrepreneurs (YAE)*. *Pre and Post Tour Booth* yang dioperasikan oleh Tourism Malaysia turut mempromosikan pakej percutian ke destinasi-destinasi pelancongan yang terdapat di Malaysia kepada peserta persidangan. Pameran juga turut melibatkan pameran luar negara iaitu pameran oleh *Asia-Europe Foundation (ASEF)* dan *ASEAN Cultural Year (ACY)* oleh negara Thailand.

(ii) **Malam Kebudayaan "Gala Dinner"** telah diadakan pada 13 Mac di Pusat Pelancongan Malaysia (MaTIC) dan di Restoran The Love. Antara aktiviti yang diadakan pada malam tersebut adalah persembahan seni tarian, nyanyian dan sajian makanan tempatan dari pelbagai kaum di Malaysia, di antaranya; tarian Menghadap Rebab, tarian kaum Orang Asli Mah Meri dan Muzik Sape.

(iii) **Lawatan ke Galeri Seni Melaka** dan tempat-tempat bersejarah sekitar Bandar Hilir, Melaka telah diadakan pada 10 Mac 2019. Lawatan ini melibatkan peserta-peserta yang menghadiri *Executive Leader Seminar*. Peserta persidangan turut dibawa ke Balai Seni Visual Negara pada 12 Mac 2019 bagi diperkenalkan pameran karya lukisan artis tempatan.



(iv) ***51st dan 52nd IFACCA Board Members Meeting,*** Mesyuarat Ahli Lembaga IFACCA ke-51 dan ke-52 telah diadakan pada 9 Mac 2019 dan 15 Mac 2019 di Hotel Pullman Kuala Lumpur City Centre. Mesyuarat ini dihadiri oleh 10 orang ahli lembaga IFACCA.

(v) ***Executive Leader Seminar*** telah diadakan pada 10 Mac 2019 di Galeri Seni Melaka dan 14 Mac 2019 di Kuala Lumpur Performing Arts Centre. Seminar ini telah dihadiri oleh 60 orang ahli IFACCA.

(vi) **Perhimpunan Agung IFACCA, *IFACCA Annual General Assembly*** telah diadakan pada 11 Mac 2019 di Hotel Pullman Kuala Lumpur City Centre. Seramai 100 orang telah menghadiri perhimpunan agung tersebut.

(vii) ***IFACCA Regional Chapter Meeting*** telah diadakan pada 14 Mac 2019 di Kuala Lumpur Performing Arts Centre.

Mesyuarat ini terbahagi kepada lima (5) rantau iaitu Rantau Amerika, Rantau Eropah, Rantau Asia, Rantau Afrika dan Rantau Pasifik.

(viii) Sebanyak tiga(3) Program Seni dan Budaya *(Arts Festivals)* telah diadakan sepanjang persidangan berlangsung. Persembahan yang telah diadakan ialah persembahan kolaborasi bertemakan *Tidal Constellations* di antara kumpulan artistik Bandaloop (USA) bersama kumpulan tari tanah air iaitu *ASK Dance Company* pada 12 Mac 2019 di Balai Seni Negara, persembahan Rampaisari Tari oleh kumpulan KESUMA Universiti Malaya pada 14 Mac 2019 dan persembahan tarian Titik Menggalai oleh Persatuan Anak-Anak Sabah (PERKASA) pada 15 dan 16 Mac 2019 di Pusat Pelancongan Malaysia.

Manakala, di antara resolusi yang telah dicapai dalam kalangan delegasi persidangan dan yang bakal dilaksanakan oleh mereka di negara masing-masing adalah seperti yang berikut:

(i) Kesamarataan penyertaan dan amalan seni tanpa mengira jantina. Semua jantina berhak untuk mengamalkan dan mempamerkan bakat dan karya seni kepada masyarakat umum tanpa sekatan dari mana-mana pihak;

(ii) Seni adalah untuk semua golongan masyarakat tanpa mengira status sama ada berkemampuan ataupun tidak berkemampuan. Seni bukan merupakan hak eksklusif golongan yang berkemampuan, golongan yang tidak mampu juga bebas untuk menghayati, melihat dan mendalami seni;

(iii) Akses dan penyertaan seni kepada golongan kurang upaya. Kekurangan fizikal atau minda bukan halangan untuk golongan kurang upaya untuk mempelajari, mempraktik dan menyertai aktiviti seni dan budaya;

(iv) Kebebasan mengekspresikan budaya masing-masing tanpa sempadan. Amalan budaya sesuatu kaum adalah berbeza dan juga ada yang sama, perbezaan budaya tidak boleh dijadikan alasan untuk menghalang sesuatu kaum, masyarakat atau komuniti untuk mengamalkannya selagi ianya tidak mengganggu dan mendatangkan bahaya kepada masyarakat sekeliling;

(v) Tiada diskriminasi kaum. Sikap prejudis pada sesuatu kaum harus dihapuskan kerana semua kaum di seluruh dunia mempunyai hak untuk mengamalkan kebudayaan dan kesenian mereka;

(vi) Kelangsungan Pembangunan seni budaya melalui pendidikan berpanjangan *(lifelong learning)*. Seni dan budaya itu berkembang dan berevolusi, oleh demikian pentingnya pendidikan yang berpanjangan untuk memelihara dan memulihara keaslian seni dan budaya yang sedia ada;

(vii) Membuat dasar-dasar yang mantap bagi memelihara seni tidak ketara warisan kebangsaan. Pembuat dasar perlu sepakat di dalam mengukuhkan dasar-dasar dan undang-undang bagi memastikan seni tidak ketara dilindungi oleh Akta Warisan Kebangsaan ataupun oleh UNESCO;

(viii) Mewujudkan tabung seni dari ikhsan komuniti, yayasan-yayasan, syarikat-syarikat korporat melalui Program Tanggungjawab Korporat *(Corporate Social Responsibility-CSR)*. Program CSR oleh pihak swasta dapat memberi pelbagai pilihan dan sumber bantuan kepada penggiat dan persatuan seni untuk terus berkarya. Penggantungan terhadap dana daripada kerajaan juga dapat dikurangkan; dan

(ix) Seni dan Sains perlu bersepadu di dalam menangani arus teknologi digital secara global. Sains, teknologi digital dan kuasa internet dalam pembangunan dan pengurusan bidang seni dan budaya pada masa kini. Generasi baharu mempunyai kuasa internet yang mampu menjadi medium pembelajaran, pemasaran dan interaksi global yang tidak terbatas. Dengan adanya internet sebagai medium pengantara, pihak berkuasa hanya perlu melihat bentuk infrastruktur atau inisiatif sokongan lain yang boleh disediakan seperti bank data dan pakar rujuk yang boleh dicapai secara atas talian.

Disediakan:
Cawangan Perancangan dan Penyelarasan Dasar
Bahagian Dasar dan Penyelidikan
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, JKKN
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
MALAYSIA












Abul Basyar Mazlan

# Warisan Purba Jelai: GENDANG PAHANG

## KESENIAN YANG TIDAK DIAGUNGKAN

Gendang bukanlah perkara asing dalam kehidupan orang Melayu terutamanya bagi para pesilat. Muzik gendang juga banyak dimainkan dalam pelbagai bunyian. Namun, di negeri Tok Gajah, Gendang Pahang mempunyai sejarahnya yang tersendiri.

### Asal Usul Gendang Pahang

Gendang Pahang atau dikenali sebagai Gendang Tetawak merupakan seni tradisi yang mendapat pengaruh agama Islam yang mendalam. Muzik ini dikatakan dibawa oleh Dato' Purba Jelai dan penyebarannya dilakukan oleh tiga generasi. Gendang Pahang mempunyai lagunya yang tersendiri dan dikenali sebagai Bujang Hilir. Ia dimainkan di sepanjang Sungai Jelai dan Sungai Pahang.

Muzik ini dimulakan dengan rentak pembukaan dan diakhiri dengan rentak membunuh atau rentak mati di samping rentak-rentak yang lain. Gendang Pahang dimainkan ketika majlis perkahwinan dan adat istiadat istana serta untuk mengiringi persembahan silat dan Tarian Inai.

Alat muzik yang digunakan ialah gendang anak, gendang ibu dan gong (Gendang Pahang yang asli tidak menggunakan serunai). Gendang Pahang tidak terhad kepada golongan lelaki sahaja kerana wanita juga turut terlibat dalam kesenian ini.

Gendang Pahang mempunyai 4 jenis paluan iaitu Gendang Silat, Gendang Kosong, Gendang Seloka dan Gendang Poyang. Antara Paluan Gendang Pahang yang biasa dimainkan adalah :

**BUJANG HILIR** - Dikatakan berasal dari Bukit Betong, Kuala Lipis. Kini dikatakan tiada lagi di Lipis disebabkan sejarahnya dan dijumpai di daerah Maran pada tahun 1900.

**RAJA BERANGKAT** - Raja berangkat ini versi lagu dari Semantan dan digunakan semasa raja berangkat ke kampung-kampung. Lagu ini merupakan lagu iringan menyambut Raja Pahang.

**SAMA DERAS** - Lagu gendang silat ini berasal dari Semantan dan terdapat bukti bertulis ianya dimainkan dari tahun 1863. Paluan gendang ini juga digelar Gendang Suluk atau Gendang Pertapaan.

**LENGGANG JANDA** - Paluan ini berasal dari Semantan. Kalau di Chenor nama paluan ini dipanggil Janda Numbok dan di Mela, paluan ini dipanggil Janda Cari Kayu Api.

### Lagu-lagu Gendang Pahang

Ia sering dimainkan bersama paluan gendang Pahang, senarai lagu warisan gendang Pahang yang terkenal antaranya; Raja Berangkat, Gendang Perang Pahang Sama Deras, Sama Satu, Sama Dua, Lenggang Janda / Janda Numbok, Tupai Mengendap, Timbang Bangkung, Kambing Berlaga / Kambing Meranduk, Bujang Hilir, Raja Masuk Kuala, Siamang Berjangkit, Sendayong, dan Gobek Gobang.

### Muzik Pengiring Majlis

Gendang Tetawak dan kombinasi peralatan muzik lain sering dimainkan bagi memeriahkan majlis keramaian, perkahwinan, majlis rasmi, mengiringi tarian tradisional Melayu, silat dan mengiringi pembesar negeri.

Ismail Hamdan

# DALLAH DEEN & "MOWGLI" MALAYSIA

**Keindahan gambar-gambar adik Syukur Khamis bersama haiwan-haiwan peliharaan keluarganya yang tular di media sosial telah memberikan nama jolokan kepada beliau sebagai *"MOWGLI"* Malaysia. Gambar yang telah memenangi pertandingan fotografi peringkat Asia menerusi luahan berjudul *''Sharing Emotion''* (Berkongsi Emosi) telah dirakam oleh Mohd. Nazri Sulaiman. Di sebalik kemenangan gambar adik Syukur Khamis ini, rakan kepada Mohd. Nazri Sulaiman turut sama menerima tempiasnya kerana terlibat sama merakam saat-saat indah tersebut, iaitu Abdullah Din Mohd Zain@Dallah Deen. Dallah Deen menjadikan lingkungan alam sebagai figura dan inspirasinya untuk melahirkan karya-karya indah. Karya-karya inilah yang telah mengangkat nama Dallah Deen dan rakan-rakan jurufotonya menjadi terkenal di serata dunia.**






**Dallah Deen menjadikan fotografi sebagai hobinya sejak tahun 2008 dan mula merakamkan aksi adik Syukur Khamis dengan 'rakan-rakan karibnya' pada tahun 2014. Ternyata keberhasilan karya tersebut telah menempatkan adik Syukur Khamis sebagai ikon remaja dan menerima anugerah-anugerah daripada pelbagai pihak termasuk daripada kerajaan negeri Terengganu. Penerimaan anugerah ini, sekaligus telah mempopularkan kampungnya iaitu Kampung Kubang Bujuk, Terengganu serta sekolahnya SMK Padang Midin Terengganu.**

Ternyata gambaran keakraban seorang budak kampung dan beberapa ekor haiwan ternakan, telah melonjakkan nama Dallah Deen ke persada dunia.



Melihat karya Dallah Deen dengan rakan-rakannya, ternyatalah bahawa segala usaha mereka sepanjang mengharungi kerja-kerja seni adalah tidak sia-sia. Karya-karya mereka telah direalisasikan dengan begitu baik yang memanfaatkan sepenuhnya sumber alam semulajadi.

Namun di sebalik kerja-kerja fotografinya, Dallah Deen merupakan seorang pencinta seni tanah air dan merupakan seorang Pegawai Kebudayaan di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, (JKKN) Negeri Terengganu. Justeru tidak hairanlah, bagaimana beliau berkemampuan untuk menggarap hal-hal berkaitan seni budaya dan sumber daya alam, sekaligus menterjemahkannya ke dalam karya fotografinya. Beliau berkeupayaan menzahirkan objek menerusi pancainderanya dengan merakamkan aksi keakraban seorang budak dengan beberapa ekor haiwan peliharaan keluarganya.

Remaja yang berusia 14 tahun, merupakan pelajar di SMK Padang Midin, Kuala Terengganu. Sejak berusia 4 tahun, adik Syukur Khamis telah membantu keluarga untuk menguruskan haiwan peliharaan mereka. Pengalaman remaja inilah yang memberikan inspirasi keberhasilan karya-karya kreatif Dallah Deen.





Terjemahan makna yang ingin disampaikan melalui karya *"Sharing Emotion"* ialah tentang keindahan flora dan fauna ciptaan Tuhan Yang Maha Esa serta keharmonian persekitaran masyarakat desa.

Menerusi karya–karya seperti ini, sedikit sebanyak membantu mempromosikan destinasi pelancongan di negeri Terengganu. Malah tanpa diduga, negeri Terengganu menjadi destinasi pelancongan yang semakin popular.

Karya Dallah Deen tidak hanya tertumpu kepada adik Syukur dan kerbaunya sahaja, tetapi merangkumi semua elemen seni budaya yang autentik seperti seni persilatan, permainan wau, Wayang Kulit dan gasing yang menjadi teras kepada karyanya.






#DALLAHDEENphotography






DALLAHDEENPHOTOGRAPHY

HIDIR ALI RAZALI (THE PATRIOTS)
(Terima kasih atas kebenaran untuk berkongsi artikel ini)

# NORDIN AHMAD

## IKON PURBAWARA MELAYU



**"Kajang Pak Malau Kajang Berlipat,
Kajang Saya Mengkuang Layu,
Dagang Pak Malau Dagang Bertempat,
Dagang Saya Musafir Lalu."**

Itulah bait-bait dialog keramat yang dilafazkan oleh Nordin Ahmad dalam filem Sri Mersing arahan Salleh Ghani pada tahun 1961. Dialog ini seakan-akan menjadi satu *trademark* kepada beliau apabila merujuk kepada perkembangan penglibatannya dalam sejarah filem Melayu.

Nordin Ahmad merupakan hero filem Melayu terulung. Beliau dilahirkan di Kampung Kota, Permatang Pasir, Seberang Perai, Pulau Pinang pada 4 Ogos 1929. Nordin Ahmad merupakan anak kedua dari enam adik-beradik kepada pasangan Ahmad bin Sahak dan Che binti Md. Hashim. Bapanya bekerja sebagai kerani di Jabatan Kerja Raya, Pulau Pinang, manakala ibunya menjalankan kerja-kerja kampung.

Penglibatan beliau dalam bidang lakonan, bermula ketika bekerja sebagai kerani di pangkalan Tentera Udara Diraja British, Singapura pada tahun 1951. Sebelum itu beliau juga pernah berkhidmat sebagai anggota bomba di republik berkenaan. Pada peringkat awalnya, beliau tidak pernah menyimpan hasrat untuk menjadi bintang filem sehingga beliau terbaca satu iklan dalam akhbar Utusan Melayu mengenai Syarikat Malay Film Productions (MFP) milik Shaw Brothers sedang mencari bakat baharu sebagai pelakon. Atas dorongan rakan-rakan, beliau menerima jemputan uji bakat syarikat filem berkenaan.

Kali pertama Nordin Ahmad menjalani uji bakat, beliau gagal apabila pengarah S. Ramanathan yang mengadili sesi uji bakat tersebut mengatakan bahawa Nordin Ahmad tidak boleh berlakon dan berdialog dengan baik. Disebabkan kegagalan tersebut beliau hanya diberi watak sampingan sahaja dalam filem Juwita (1951) sebagai anggota Polis.

Pada tahun 1952, Nordin Ahmad diberi peluang menjadi hero melalui filem Permata Di-Perlimbahan bergandingan dengan Maria Menado (Dato' Seri). Filem

pertama arahan Haji Mahadi itu telah gagal mendapat kutipan *box office* apabila ditayangkan. Hal ini membuatkan Nordin Ahmad kembali menjadi pelakon pembantu. Perkara itu tidak pernah melunturkan semangatnya untuk terus berjuang dalam bidang lakonan, malahan beliau terus berusaha memperbaiki mutu lakonannya dalam menempatkan dirinya sebaris dengan hero-hero lain yang berada di MFP ketika itu.

Peluang yang dinantikan oleh Nordin Ahmad akhirnya muncul pada tahun 1956, apabila P. Ramlee menawarkan watak utama kepadanya dalam filem Semerah Padi. Filem Semerah Padi merupakan filem kedua arahan P. Ramlee setelah menduduki bangku pengarah. Nordin Ahmad telah mengejutkan industri filem Melayu pada ketika itu dengan lakonannya sebagai Taruna yang sangat bermutu tinggi. Ramai peminat dan pengkritik filem pada ketika itu memberikan pujian terhadap lakonan Nordin Ahmad dalam filem tersebut. Nama Nordin Ahmad juga dengan sekelip mata melonjak ke tahap tertinggi sebaris dengan pelakon-pelakon utama seperti P. Ramlee, Ahmad Mahmood dan lain-lain.

Disebabkan kejayaan melalui Semerah Padi, Nordin Ahmad telah dilamar oleh syarikat Cathay-Keris Film pada penghujung tahun 1957. Pada 31 Disember 1957 Nordin Ahmad secara rasminya menamatkan kontraknya sebagai pelakon di MFP dan berhijrah ke Cathay-Keris selepas selesai penggambaran filem Belantara (1957). Filem pertama Nordin Ahmad di Cathay-Keris adalah Orang Minyak (1958). Penghijrahan ke Cathay-Keris lebih menggalakkan Nordin Ahmad mempersembahkan mutu lakonan yang terbaik bagi membuktikan Cathay-Keris adalah destinasi terbaik untuk kebaikan karier lakonannya.

Siapa yang boleh melupakan lakonan mantap Nordin Ahmad dalam filem-filem keluaran Cathay-Keris seperti Raden Mas (1959), Noor Islam (1960), Hang Jebat (1961), Sri Mersing (1961), Sultan Mahmood Mangkat Di-Julang (1961), Dang Anom (1962), Lanchang Kuning (1962), Chuchu Datok Merah (1963), Tajul Ashikin (1963), Ayer Mata Duyong (1964), Patong Chendana (1965) dan Gurindam Jiwa (1966). Nordin Ahmad sentiasa berada dalam kelasnya yang tersendiri dalam memperlihatkan kewibawaannya sebagai seorang pelakon yang mempunyai daya penghayatan yang



Nordin Ahmad di dalam filem Tajul Ashikin

sangat tinggi. Nordin Ahmad juga dikatakan seorang pelakon yang sangat cerewet di lokasi. Menurut pengarah M. Amin, Nordin Ahmad agak lambat untuk memulakan penggambaran jika beliau belum berpuas hati dengan *"rehearsal"*.

Nordin Ahmad akan meneliti skrip dari hari pertama beliau menerimanya. Jika beliau tidak faham isi kandungan dan hubungkait wataknya dengan watak yang lain, beliau akan menemui penulis skrip berkenaan untuk mengetahui apa yang dimaksudkan. Di Cathay-Keris, Nordin Ahmad telah menemui pasangan layar peraknya yang paling serasi iaitu Latifah Omar. Pihak studio beranggapan, gandingan Nordin Ahmad bersama Latifah Omar adalah satu perkembangan yang baik buat studio dan telah mengarahkan lebih banyak filem bermutu lakonan mereka berdua diterbitkan bagi menyaingi filem-filem keluaran MFP. Faktor ini menjadi salah satu strategi pihak studio untuk mengaut keuntungan yang besar kerana boleh dikatakan filem yang menggandingkan mereka berdua pasti mendapat pulangan yang lumayan jika ditayangkan pada ketika itu.

Kehebatan Nordin Ahmad sebagai pelakon meyakinkan pihak pengurusan Cathay-Keris untuk mencungkil bakatnya sebagai pengarah pula. Pada tahun 1963 Nordin Ahmad telah dilantik sebagai pengarah untuk filem pertamanya berjudul Wan Perkasa (1964). Filem sulung arahannya itu telah menempa kejayaan dan diikuti beberapa lagi filem seperti Kaseh Ibu (1965), Naga Tasek Chini (1966), Playboy (1967), Kekaseh (1968), Si-Murai

(1968), Nafsu Belia (1969), Keranda Berdarah (1969) dan yang terakhir Lobang Nuraka (1970). Walaupun Nordin Ahmad dipandang hebat sebagai seorang pelakon yang mampu menghayati setiap watak lakonannya, namun kebanyakan pengkritik filem berpendapat beliau kurang berjaya sebagai pengarah. Ini kerana mereka menilai Nordin Ahmad dari sudut lakonan bukan pengarahan. Ada pengkritik filem pada ketika itu beranggapan bahawa Nordin Ahmad sangat condong kepada gaya pengarahan P. Ramlee.

Nordin Ahmad telah mendirikan rumahtangga dengan Salmah Ibrahim pada tahun 1952 selepas selesai penggambaran filem Permata Di-Perlimbahan. Perkahwinan mereka dikatakan bermula dari usikan rakan-rakan semasa mereka bersama-sama bekerja di Jalan Ampas. Hasil perkahwinan, mereka telah dikurniakan tiga cahaya mata iaitu Asmah, Norman Shah dan Hasnor. Nordin Ahmad meninggal dunia pada hari selasa, 4.30 petang di Hospital Besar Singapura ketika berusia 42 tahun, akibat penyakit demam kuning yang dideritainya beberapa bulan sebelum itu. Jenazahnya telah dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam, Bedok pada keesokan harinya.

Pada tahun 1980-an pihak kerajaan Singapura telah menggali semula tanah perkuburan Bedok untuk tujuan pembangunan. Maka pusara Nordin Ahmad dan pusara lain di perkuburan berkenaan telah dipindahkan ke Pusara Abadi, Lim Chu Kang, Singapura. Disitulah bersemadinya jenazah seorang seniman besar dan terunggul dalam lipatan sejarah filem Melayu sehingga sekarang. Nordin Ahmad sentiasa menjadi inspirasi kepada pelakon generasi selepasnya yang menginginkan sesuatu resipi lakonan padat, mantap dan berwibawa. Antara sesalan kebanyakan pelakon hari ini ialah tidak berkesempatan bersua muka dengan pelakon legenda itu kerana telah dijemput terlalu awal menemui Ilahi ketika masih ramai yang menanam minat terhadap kehebatan persembahan beliau. Demikianlah hilangnya sebutir bintang yang seluruh hidupnya diabadikan untuk seni.

## FILEM-FILEM LAKONAN NORDIN AHMAD

1. Juwita (1951)
2. Rayuan Sukma (1951)
3. Aladin (1952)
4. Jiwa Lara (1952)
5. Permata Di-Perlimbahan (1952)
6. Chemburu (1952)
7. Putus Harapan (1953)
8. Ibu (1953)
9. Arjuna (1954)
10. Gelora Hidup (1954)
11. Jasa (1954)
12. Panggilan Pulau (1954)
13. Perjodohan (1954)
14. Kipas Hikmat (1955)
15. Abu Hassan Penchuri (1955)
16. Jubah Hitam (1955)
17. Roh Membela (1955)
18. Bernoda (1956)
19. Hang Tuah (1956)
20. Semerah Padi (1956)
21. Anak-Ku Sazali (1956)
22. Belantara (1957)
23. Orang Minyak (1958)
24. Che Mamat Parang Tajam (1958)
25. Serangan Orang Minyak (1958)
26. Raden Mas (1959)
27. Mahsuri (1959)
28. Noor Islam (1960)
29. Sultan Mahmood Mangkat Di Julang (1961)
30. Hang Jebat (1961)
31. Sri Mersing (1961)
32. Yatim Mustapha (1961)
33. Siti Zubaidah (1961)
34. Gado-Gado (1961)
35. Dang Anom (1962)
36. Tun Fatimah (1962)
37. Jula Juli Bintang Tujoh (1962)
38. Lanchang Kuning (1962)
39. Laila Majnun (1962)
40. Chuchu Datok Merah (1963)
41. Gul Bakawali (1963)
42. Tajul Ashikin (1963)
43. Ayer Mata Duyong (1964)
44. Hutang Darah Di-Bayar Darah (1964)
45. Panglima Besi (1964)
46. Patong Chendana (1965)
47. Gurindam Jiwa (1966)
48. Play Boy (1967)
49. Si-Murai (1968)
50. Srikandi (1969)
51. Sial Wanita (1969)
52. Jahanam (1971)

## FILEM-FILEM ARAHAN NORDIN AHMAD

1. Kaseh Ibu (1965)
3. Naga Tasek Chini (1966)
4. Play Boy (1967)
5. Kekaseh (1968)
6. Si-Murai (1968)
7. Mat Lanon (1968)-Pengarah bersama Mat Sentol
8. Nafsu Belia (1969)
9. Keranda Berdarah (1969)
10. Lobang Nuraka (1970)

# SIAPA WANITA DISEBALIK LAGU AZIZAH?




**Hidir Ali Razali (The Patriots)**
*(Terima kasih atas kebenaran untuk berkongsi artikel ini)*

NAMA AZIZAH kelihatan mempunyai kaitan rapat dengan P. Ramlee. Pertama, kerana nama itu dijadikan tajuk lagu pertama ciptaan P. Ramlee. Kedua, nama Azizah dipilih menjadi sebagai nama heroin filem "Penarek Becha" yang merupakan filem sulung arahan P. Ramlee. Lagu Azizah juga turut digunakan sebagai salah satu lagu di dalam filem Penarek Becha.

Lagu Azizah dicipta dan ditulis oleh P. Ramlee dalam tahun 1945. Apabila lagu itu ingin dimuatkan di dalam filem Penarek Becha, liriknya telah diolah semula oleh Jamil Sulong. Ketika P. Ramlee masih hidup, Azizah yang menjadi tajuk lagu sulung ciptaan beliau seringkali menjadi bahan perbincangan. Justeru itu, ramai yang tertanya-tanya siapakah Azizah yang P. Ramlee maksudkan dalam lagunya?

Kesimpulan daripada perbincangan itu, ramai beranggapan bahawa Azizah adalah gadis pujaan P. Ramlee semasa zaman remajanya. Malah, ada juga pendapat teman-teman remaja P. Ramlee di Pulau Pinang, yang mengatakan Azizah ini adalah kekasih P. Ramlee semasa zaman remajanya. Tetapi semua itu hanya satu anggapan sahaja kerana tidak ada bukti yang sahih.

Jamil Sulong yang pernah diberi tugas oleh P. Ramlee untuk mengolah semula lirik lagu Azizah juga, pernah beranggapan bahawa Azizah ini tidak wujud dan hanyalah sebagai fantasi P. Ramlee sahaja. Ketika di Jalan Ampas, Jamil Sulong serta rakan-rakan rapat P. Ramlee sekalipun tidak pernah mendengar daripada mulut P. Ramlee tentang Azizah.

Apa yang pernah diceritakan oleh P. Ramlee kepada Jamil Sulong, Azizah hanya sebagai satu sumber inspirasi beliau untuk mencipta lagu. Ternyata, lagu Azizah membawa tuah kepada P. Ramlee apabila lagu itu dan filem Penarek Becha mendapat sambutan hangat pada ketika itu. Nama Azizah terus menjadi misteri dalam kehidupan P. Ramlee, dan tiada siapa pun dapat membuktikan kesahihannya.

10 tahun selepas P. Ramlee meninggal dunia, akhirnya timbul berita tergempar mengenai Azizah. Akhbar Berita Minggu bertarikh 26 Jun 1983 telah menyiarkan satu berita di muka hadapan dengan kepala berita bertajuk "BERITA MINGGU TEMUI AZIZAH P.RAMLEE".

Dalam akhbar itu menyatakan, "Misteri si jelita Azizah yang dipuja oleh P. Ramlee hingga tercipta lagu khusus untuknya di dalam tahun 1950-an, kini terbongkar. Azizah yang bermata bulat, hidungnya mancung dan rambutnya kerinting seperti yang digambarkan melalui seni kata lagu Azizah ciptaan P. Ramlee, masih hidup dan kini menetap di Pulau Pinang. Ketika membuat filem Penarek Becha P. Ramlee telah menamakan heroinnya dengan nama Azizah yang dilakonkan oleh Sa'adiah.

Begitulah hebatnya Azizah di dalam hidup P. Ramlee. Anak Azizah yang bernama Fatimah Embi adalah seorang guru yang bertugas di Johor Bahru, menceritakan beliau secara tidak sengaja membongkar rahsia ibunya dan hubungkait ibunya dengan lagu Azizah ciptaan P. Ramlee. Menurut Fatimah Embi, beliau terpaksa memujuk ibunya selama sebulan hanya untuk meminta persetujuan berkongsi kisahnya dengan Berita Minggu Ini, kerana ibunya itu disifatkan sebagai seorang yang sangat tegas dan berdisiplin. Fatimah Embi menyatakan, ibunya tidak tahu yang lagu Azizah itu telah dicipta oleh P. Ramlee untuknya.

Wanita misteri yang bernama Azizah ini adalah anak golongan Bangsawan dan keluarganya sangat disanjung dan dihormati di Pulau Pinang. Dia anak bongsu lapan adik-beradik yang berketurunan Arab Pakistan yang menetap di Kampung Makam, Pulau Pinang. Azizah sering menjaja bunga sutera serata kampung melalui Jalan Senggora, Jalan Pahang, Jalan Siam, Jalan Patani, Jalan Kajang, Jalan Kuantan dan Kampung Jawa. Di Kampung Jawa itulah tempat P. Ramlee yang selalu kelihatan memetik gitar atau menggesek biola bersama rakan-rakannya. Kadang-kadang Azizah sering terserempak dengan P. Ramlee yang menungang basikal tua. Setiap kali bersua, P. Ramlee akan mengukir senyuman manis padanya. Kadang-kadang Azizah diusiknya nakal.

Pada satu hari P. Ramlee telah memanggil Azizah, "Hei budak mari sini". Azizah pergi menghampiri P. Ramlee. P. Ramlee bertanya, "Siapa nama kamu?", Azizah menjawab sepatah dengan menyebut namanya. P. Ramlee terus berkata, "Besar



nanti, kamu kawin dengan aku, nak?". Azizah tersipu-sipu dan terus berlalu meninggalkan P. Ramlee. Tanpa disedari oleh Azizah, dalam diam P. Ramlee sangat menaruh hati dan memuja beliau. Tanpa diketahui oleh Azizah, P. Ramlee telah cuba melamar melalui keluarganya sebanyak tiga kali. Tetapi ketiga-tiga lamaran P. Ramlee telah ditolak oleh keluarga Azizah. Semasa meningkat dewasa, Azizah tidak lagi menjual bunga. Dia hanya berkurung di rumah kerana dikawal oleh keluarganya. Azizah diasuh oleh keluarganya dengan penuh disiplin supaya beliau menjaga nama baik keluarganya yang dipandang tinggi dan dihormati. Azizah juga tidak berpeluang untuk bergaul dengan pemuda-pemuda kampung, apa lagi hendak menjalinkan hubungan cinta. Malah Azizah menyerahkan bulat-bulat soal jodohnya kepada keluarganya."

Setelah P. Ramlee menjadi pelakon dan penyanyi yang popular pada awal tahun 1950-an, Azizah sangat meminati lagu-lagu nyanyian dan ciptaan P. Ramlee. Satu hari beliau telah mendengar lagu Azizah berkumandang di corong radio. Apabila beliau amati betul-betul bait-bait lirik lagu itu, nyatalah tepat mengenai dirinya – matanya bulat, rambutnya kerinting, hidung mancung. Azizah terkenang kembali kepada pemuda yang pernah mengusiknya dahulu yang ketika ini telah menjadi penyanyi dan pelakon sanjungan ramai. "Ya tidak salah lagu itu dirujuk kepada diriku, bisik hati kecilnya." Tetapi Azizah tidak pernah memikirkan dengan lebih jauh makna yang terkandung di dalam lagu itu.

Azizah hanya tahu tentang peminangan P. Ramlee ke atas dirinya hanya selepas seniman agung itu meninggal dunia. Itu pun secara kebetulan ketika beliau terserempak dengan rakan wanitanya ketika remaja dahulu di pasar. Rakannya itu mencuit Azizah dan berkata, "Eh, dah meninggal dia, ya?". Azizah terpinga-pinga, "Siapa?" dia bertanya, kehairanan. "Eh, P. Ramlee-lah. Dulukan dia pernah masuk meminang kau. Tiga kali dia masuk meminang, semuanya ditolak," jawabnya. Azizah menerima berita itu antara percaya dengan tidak. Bisik hati Azizah, "Mungkin ditakdirkan tidak ada jodoh."

Azizah berkahwin dengan seorang pemuda Pakistan yang bernama Embi bin Abu Bakar. Azizah berkahwin ketika usianya 16 tahun. Suaminya pernah menjadi kerani kanan di Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Suami Azizah meninggal dunia pada tahun 1976. Hasil perkahwinan Azizah dan Embi, mereka dikurniakan 10 orang anak, empat lelaki dan enam perempuan.

## LIRIK LAGU AZIZAH

**Rupa kamu yang cantik**
**Mata kamu yang bulat**
**Membikin pemuda jadilah gembira**
**Senyumanmu yang manis**
**Gigi kamu yang putih**
**Oh nonaku Azizah**
**Oh nonaku Azizah**
**Hidungmu yang mancung**
**Rambutmu kerinting**
**Membikin pemuda sehari-hari menaruh cinta padamu**
**Oh Azizah**
**Cantik rupamu**
**Cantik rupamu**
**Dipandang mata**
**Bagai biduan**
**Bagai biduan**
**Dari Shorga**
**Tidur malam terbayang**
**Teringat kamu seorang**
**Membikin hati pemuda**
**Menjadi bimbang**
**Oh Azizah**


**Sumber :**

**Gagak Di-Rimba – Abdullah Hussain 1966**
**P.Ramlee Legenda Yang Terus Hidup – Aimi Jarr 1999**
**Kenangan Abadi P.Ramlee – Ramli Ismail 1998**
**Erti Yang Sakti – Tun Ahmad Sarji 1999**
**Dato' Ahmad Fauzee**
**Kelab Filem & Muzik Melayu Klasik**




**Rasfan Abu Bakar**
Pensyarah di Akademi Seni Budaya
& Warisan Kebangsaan (ASWARA)
www.rasfan.com



**Keris** merupakan senjata ciptaan orang Melayu yang tiada tolok bandingnya. Ciptaannya penuh dengan kehalusan seni dan tinggi dengan falsafah yang meliputi akal, budi serta santunnya.

Keris dicipta bukan semata-mata untuk pertarungan atau merangkumi perkara yang boleh memudaratkan. Keris adalah lambang kedaulatan dan kekuasaan bagi sesebuah kerajaan Melayu, pelengkap kepada pemakaian Sultan dan pakaian lelaki. Namun, fungsi keris juga tidak terlepas dari sisi misteri yang dikaitkan dengan kuasa mistik, menyuntik sifat keberanian dalam diri serta berupaya untuk menyembuhkan pelbagai jenis penyakit.

Terdapat pelbagai jenis keris yang menjadi sanjungan orang Melayu. Keris berbeza mengikut wilayah kerana setiap tempat mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Kepelbagaian rekaan ini menjadikan keris begitu unik dan menjadi buruan buat mereka yang meminatinya.

# KERIS WARISAN MELAYU



# Keris Semenanjung

Keris Semenanjung dianggap sebagai asas kepada segala bentuk keris yang berasal dari Tanah Melayu. Rupa bentuknya ringkas serta mudah dikenali. Hulunya menyerupai bentuk satu lembaga yang sedang tunduk dan berpeluk tubuh. Bentuk ini dikenali sebagai Jawa Demam, iaitu menggambarkan seorang tua yang sedang berpeluk tubuh seakan sedang demam.

Sarung Keris Semenanjung mempunyai sampir bujur sangkar yang agak besar dan berbentuk segi empat. Sementara batangnya pula lebar, tidak berapa tirus serta mempunyai bentuk jalur bujur sangkar. Jika sarung atau sampir keris disalut perak, maka kasutnya akan berbentuk 'bulat tempurung'.



# Keris Pekaka

Keris Pekaka adalah keris yang berasal dari Patani. Ia dinamakan sebagai Keris Pekaka kerana hulunya mempunyai bentuk seperti burung Pekaka. Jika diteliti, didapati bahawa hulu keris ini juga menyerupai salah satu watak dalam cerita Wayang Kulit. Mata keris ini biasanya lebih panjang daripada keris-keris lain dan bentuknya pula ada yang lurus dan ada yang berlok. Ulu keris ini diperbuat daripada kayu atau tanduk dan kadangkala dari perak. Keris Pekaka juga dikenali sebagai keris 'Ta Jong'.



# Keris Bali

Keris Bali mempunyai rupa bentuk yang besar dan panjang. Hulu keris ini diperbuat daripada kayu atau gading dan seringkali dihiasi dengan susunan permata yang berwarna-warni.

Hulu keris ini juga mempunyai bentuk-bentuk yang menggambarkan dewa dewi, kerana pembuatan keris ini turut dipengaruhi oleh agama Hindu yang menjadi pegangan masyarakat di Bali.

Keris ini jarang menggunakan pendongkok dan hanya dilengkapi dengan sebentuk cincin logam tebal yang dihiasi dengan permata. Fungsi pendongkok adalah untuk mengukuhkan genggaman tangan pada keris, selain sebagai hiasan yang bertatahkan batu permata dan ada pula yang dihiasi dengan bentuk bunga dawai pintal. Lazimnya, sarung keris ini diperbuat daripada dua belah kayu yang dicantumkan. Namun adakalanya cantuman ini meliputi bahagian sampir serta bahagian batangnya yang berlainan.



# Keris Bugis

Keris Bugis pula biasanya dikenalpasti berpandukan kepada rupa bentuk hulu, sampir dan buntutnya yang diperbuat daripada kayu atau gading. Sampir keris ini mempunyai bentuk yang hampir serupa dengan sampir Keris Semenanjung, tetapi lebih bulat dan lebih tajam. Adakalanya hulu keris ini juga diukir dalam bentuk Jawa Demam, tetapi telah diubahsuai menjadi lebih ringkas. Identiti yang paling jelas bagi Keris Bugis ini ialah keadaan kasut atau buntutnya yang berbentuk mata kapak.

Abdul Sham bin Abd Razak

# TUMBUHAN DAN HERBA

## *Kekayaan* YANG TIDAK TERNILAI



**Perubatan tradisional didefinisikan sebagai amalan, pendekatan, pengetahuan dan kepercayaan terhadap kesihatan yang melibatkan tumbuh-tumbuhan, haiwan dan ubat-ubatan berasaskan mineral, terapi spiritual, teknik manual dan senaman yang diaplikasikan secara khusus mahupun gabungan bagi merawat, diagnosis serta mencegah penyakit dan mengekalkan kesihatan .
(Norhalim, 1997).**

Perubatan tradisional Melayu ialah perubatan yang diamalkan oleh para bomoh dan dukun sejak beberapa abad dahulu. Perubatan ini yang banyak menggunakan bahan-bahan daripada tumbuh-tumbuhan dan herba telah diterima oleh masyarakat Melayu di Malaysia, kerana ia merupakan kaedah yang selamat dan tidak memberi kesan sampingan terhadap tubuh badan. Ini dapat dibuktikan dengan banyaknya produk ubat tradisional Melayu di pasaran. Dianggarkan sehingga kini melebihi 13,000 jenis tumbuh-tumbuhan yang berpotensi untuk dijadikan ubat bagi menyembuhkan pelbagai penyakit.

Kebanyakan tumbuh-tumbuhan ini terdapat di kawasan tropika. Menurut kajian universiti tempatan, terdapat 2,000 hingga 3,000 spesies tumbuh-tumbuhan ubatan di Malaysia yang telah digunakan bagi tujuan perubatan tradisional. Satu lagi faktor tentang mengapa perubatan tradisional Melayu mendapat tempat dalam kalangan masyarakat adalah kerana ia lebih murah, berbanding dengan rawatan dan perubatan lain.

Pengamal perubatan tradisional Melayu banyak bergantung kepada pengetahuan dan ingatan yang diwarisi daripada guru mereka secara turun-temurun. Namun, ada dalam kalangan bangsawan, terdapat juga buku perubatan dikarang, yang dipengaruhi dari Parsi seperti kitab Tib yang dijadikan rujukan. Ada juga yang dikatakan mendapat ilmu tentang perubatan dan rawatan hanya melalui mimpi atau ilham dengan cara-cara yang tertentu.

Pada zaman penjajahan British, amalan perubatan barat sangat popular sehingga amalan perubatan tradisional Melayu dilupai, khususnya oleh golongan bangsawan dan para cendekiawan.

Masyarakat Melayu lebih mempercayai perubatan barat yang dibawa oleh penjajah kerana kajian yang dijalankan oleh mereka terhadap sesuatu penyakit adalah lebih saintifik. Namun sejak akhir-akhir ini, perubatan tradisional Melayu semakin mendapat tempat di hati masyarakat Melayu khususnya kerana ia tidak menggunakan bahan-bahan kimia dan beracun.

Antara tumbuhan dan herba yang menjadi pilihan pengamal perubatan adalah seperti Akar Kayu, Daun Inai, Mengkudu, Daun Pandan, Serai Wangi, Daun Lengkuas, Daun Jambu Batu, Daun Rusa, Daun Kapal Terbang, Pokok Jerangau, Limau Nipis, pelbagai Bunga, Kunyit, Kunyit Hitam, Manjakani, Akar Rizom, Kulit Kayu, Garam, Batang Wali/Akar Seruntun, Misai Kucing, Kucing Galak, Pokok Dukung Anak, Pokok Semalu, Asam Jawa, Lidah Buaya, Pegaga, Pokok Lipan, Roselle, Lalang, Betik, Daun Ketum, Hempedu Bumi, Belimbing Tanah, Cekur, Senduduk, Pokok Pisang, Pokok Tahi Ayam, Minyak Kelapa, Tongkat Ali, Kacip Fatimah, Pinang, Halia, Kaduk, Lilit Memanjat Seruntum, Kecubung, Sambung Nyawa, Temulawak, Ulam Raja dan Gelenggang Besar.

"Lebih jauh dari itu, keistimewaan tumbuhan herba menjalinkan kaitannya dengan lain-lain bidang seperti bioteknologi, kesihatan, pertanian, perniagaan, perubatan dan sosial sains" (Datuk Ibrahim Ismail, 2010)



## IKHLAS

**Poket kebajikanmu carik**
**sewaktu tangan kirimu**
**meraba mencari rahsia**
**dan bertanya butir pahala**
**berciciran di jalanan.**

**Butiran pahala itu**
**kemudian terbakar diludah**
**mentari yang menyala.**
**Segala serakah keangkuhan**
**di perbatasan keinsafan.**

**Biarkan ikhlasmu itu,**
**persis seekor semut hitam**
**merangkak di atas**
**sebatang kayu arang**
**di pekat malam hitam**
**ke dalam kocek paling dalam.**

*Lara MN*
*Kuala Terengganu*
*01042019*

---

## MENGEJAR RINDU

**Barangkali rindu kita**
**telah ditumbuhi sayap**
**untuk terbang dan hinggap.**

**Pohon asmara telah hambar**
**daun yang hijau telah kuning**
**wangi mekar bertukar hancing**
**kian pucat di sebalik ranting.**

**Rindu sewajar dielus**
**kian terbiar kusam hodoh**
**pasti bila sayap tumbuh penuh**
**dia bakal terbang jauh.**

**Waktu itu kita tidak terkejar**
**mengejar rindu yang liar**
**terbang hilang ke belantara**
**dan kita mengulangi cerita**
**menangisi setelah tiada.**

*Lara MN*
*Kuala Terengganu*
*01042019*

---

## MASA

**Dalam suram ribut petir,**
**angin kencang menjelir,**
**dosa berarus mengalir,**
**pahala secubit dikilir.**
**Termanggu musafir,**
**meratus zikir.**
**Waktu kian getir,**
**bila berakhir**
**nafas.**

*NUKILAN*
*Mohd Rizal Ismail*

## RODA KEHIDUPAN

**Pandanglah dunia dengan cahaya.**
**Siang dengan mentarinya,**
**malam dengan kejoranya.**

**Moga kita akan mengerti,**
**siang tidak kekal lama dan gelap**
**tidak selamanya.**

**Sabarlah,**
**bahagia dan derita,**
**sering bertukar cerita.**
**Sengsara dan ceria,**
**sering berputar arahnya.**

**Tabahlah.**
**Menanti sinar sang suria,**
**di saat rembulan memencilkan dirinya.**

**Pasti ada sinar di sebalik ufuk pagi**
**bagi mereka yang cekal**
**dan tak pernah**
**putus asa mensyukuri**
**segala kurniaan dan ujian Ilahi.**

*Nukilan :*
*Mohd Rizal Ismail*

---

## ROTANLAH SAZALI

**Rotanlah Sazali..**
**Demi kelangsungan masa depan,**
**demi sebuah didikan,**
**demi menjadi sesebenar insan,**
**atas nama satu amaran.**
**Sazali sedia menerima teguran**
**berubah dengan penuh keazaman.**

**Rotanlah Sazali,**
**bersendikan rasa kasih sayang,**
**berpasakkan sebuah tanggungjawab,**
**melunasi rasa cinta berbalam,**
**ingin melihat Sazali**
**berjaya di masa depan.**

**Maaf nak..**
**Ayah terpaksa merotan.**
**Walau dilarang kerajaan,**
**walau disinis sang liberal fikiran,**
**walau ayah dipenjarakan,**
**asalkan**
**Sazali tidak terpenjara dengan kekesalan**
**melanggar norma kehidupan..**
**Akal budi tidak bersopan**
**dan bakal menjadi beban**
**menyalahkan ayah suatu hari nanti,**
**bila nasi telah menjadi bubur**
**dah terhantuk baru nak terngadah ..**

**Ayah bukan ingin mendera.**
**Apatah lagi untuk menyiksa.**
**Biarlah Sazali sesekali meraung meronta,**
**dari hati ayah bakal tercedera,**
**bila rebung menjadi buluh.**

**Semuanya demi amanah tuhan ..**

*Mohd Rizal Ismail*

# Adat Pingirih

## SUKU KAUM BIDAYUH, SARAWAK

Pingirih adalah budaya muafakat yang saling bantu membantu dan dianggap unik dalam kalangan suku kaum Bidayuh Sarawak. Aktiviti budaya maufakatnya adalah merangkumi perkara berkaitan pembinaan rumah dan kerja-kerja pertanian seperti mengusaha tanaman padi, lada, koko dan getah. Menurut masyarakat kaum Bidayuh, apabila sesebuah keluarga mahu melaksanakan toban pingirih (menganjurkan pingirih), maka akan ada juga ahli dalam kalangan komuniti berkenaan yang akan menjadi odi ngirih (mengirih: iaitu individu yang datang menyumbangkan tenaganya untuk melakukan aktiviti yang ditentukan oleh penganjur pingirih), serta ada yang akan berperanan/melaksanakan sebagai odi rapas pingirih (membalas pengirih). Ia dikira berdasarkan bilangan hari seseorang menyumbangkan tenaganya. Namun, atas permintaan si mengirih, suatu pingirih boleh juga dibalas dengan keperluan dapur seperti beras, garam dan belacan. Kebebasan ini memberi peluang kepada penduduk untuk saling membantu saudara mara dan rakan-rakan. Seandainya sesuatu pingirih tidak sempat dibalas maka ia dikenang sebagai jasa ikhlas.

Pingirih boleh dilaksana dalam kalangan penduduk sekampung atau antara kampung yang berlainan. Mereka sering pingirih-birumiek (saling berpingirih), misalnya pingirih ngutuom (menuai padi) dengan harapan untuk mendapat hasil tuaian yang maksimum. Aktiviti rapas pingirih tidak semestinya sama dengan aktiviti semasa odi ngirih, ia bergantung kepada keadaan dan kehendak rapas pingirih. Maknanya seseorang boleh mengirih orang yang mahir dalam sesuatu bidang dengan harapan mendapat khidmat kepakarannya.



Pengirih Menanam Padi dan Peserta Pengirih

Aktiviti ini terbahagi kepada enam peringkat, iaitu nou (menebas), nobong (menebang), ngokas (membakar kayu), nuruk (menanam), nyobu (merumput), dan ngutuom (menuai). Individu yang belum berumur 18 tahun tetapi menunjukkan hasil kerja yang hampir sama dengan orang dewasa layak menyertai aktiviti pingirih. Amnya, tanpa mengira jantina orang kampung yang mampu bekerja adalah layak terlibat sebagai peserta pingirih. Odi ngirih (pergi ngirih) dan rapas pingirih (membalas pingirih) adalah urusan keluarga masing-masing, yakni ahli rapas pingirih tidak ditetapkan tahapnya dengan odi ngirih. Namun, lazimnya pingirih dibalas secara setara, misalnya pingirih lelaki paling sesuai dibalas oleh lelaki, dan begitulah seterusnya.





Rungus merupakan salah satu sub kumpulan yang tergolong dalam kelompok kaum Kadazan-Dusun yang juga mempunyai bahasa hampir sama dengan bahasa Dusun di Sabah dan bahasa tagalog yang ada di Filipina.

Sebelum kedatangan mubaligh Kristian sekitar 1950-an, suku kaum Momogun Rungus masih berpegang dengan kepercayaan animisme yang disebut sebagai agama Labus (disebut Labvus). Menurut agama ini, apabila bangsa Momogun dianiaya atau dijajah bangsa lain, maka akan berlakulah malapetaka seperti serangan penyakit dan fenomena alam.

Malaysia merupakan sebuah negara yang terkenal dengan kepelbagaian kaum, budaya dan adat resam. Kumpulan etnik terbesar di Malaysia ialah kaum Melayu, Cina dan India yang merupakan kumpulan etnik majoriti di bahagian Semenanjung Malaysia. Namun begitu, terdapat juga sebilangan kecil kaum ini yang menetap di Sabah dan Sarawak seperti Kadazan, Bajau, Bidayuh, Iban, Kayan, Kenyah dan Murut. Etnik-etnik ini dikategorikan sebagai etnik bumiputera dan etnik bukan-bumiputera.

Malaysia merupakan negara contoh yang memiliki masyarakat majmuk, yang hidup harmoni berbanding negara lain yang sentiasa mempunyai pergolakan walaupun tidak terdiri daripada rakyat berbilang bangsa.

Suku kaum Momogun Rungus merupakan penduduk terbesar di kawasan utara Sabah, dan merupakan suku kaum yang kurang dikenali. Namun, suku kaum Momogun Rungus adalah penduduk asli kepulauan Borneo sejak berabad-abad lamanya.

Suku kaum Rungus biasanya dikenali sebagai Dayak Dusun Rungus, Momogun, Momogun Rungus, Momogun Laut, Dusun Laut atau Melobong Rungus.

"Rungus" berasal dari perkataan Rungsud iaitu merupakan nenek moyang suku kaum Rungus yang berhijrah dari kawasan Nunuk Ragang ke pesisiran pantai di Semenanjung Kudat, Teluk Marudu, Pitas, Beluran dan Telupid. Secara politiknya semua suku-suku Momogun di Sabah dihimpunkan dalam kategori Kaum Kadazandusun-Murut (KDM).



Suku kaum Rungus terkenal dengan kebudayaan yang asli dan tidak ditelan zaman. Lihat saja pada pakaian tradisional mereka, yang merupakan hasil tenunan tangan, dibuat dengan menggunakan kapas atau lebih dikenali sebagai 'kapok' oleh penduduk setempat. Suku kaum Rungus di Sabah memilih hitam sebagai warna pakaian tradisional mereka. Penggunaan warna hitam asalnya daripada kepercayaan bahawa warna hitam adalah lambang kekuasaan atau warna ketuhanan, yang dapat melindungi pemakai daripada diganggu makhluk halus. Namun ada juga yang mengatakan bahawa penggunaan warna hitam hanyalah disesuaikan dengan cara hidup dan keadaan semulajadi pada ketika itu.

# Kebudayaan & Kesenian

# Suku Kaum Momogun Rungus


En.Navindran a/l Perumal Sundramohan
Pelajar Latihan Industri Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara, Johor (JKKN)

Pakaian tradisi wanita Rungus direkacipta sarat dengan manik-manik yang penuh. Wanita Rungus pada zaman dahulu memakainya sebagai pakaian harian. Tetapi kini, ia hanya dipakai ketika majlis perkahwinan, keraian, kematian mahupun menjemput ketibaan tetamu ke rumah panjang.

Pakaian tradisi lelaki Rungus pula cukup ringkas dengan hanya sandai atau sopilang (kain panjang dipakai bersilang), hokos (tali pinggang kain yang biasanya berwarna merah, hijau dan kuning), sigar (tengkolok) dan baduh (baju atau kain sarung) yang dipakai ketika melakukan tarian Sumundai Mongigol.

Jika dilihat dari sudut kegiatan ekonomi pula, penduduk Momogun Rungus majoritinya bekerja sebagai petani dengan menjalankan pertanian pindah. Ada kalanya mereka bergantung sepenuhnya kepada hasil hutan untuk sara hidup. Mereka juga menjadi petani tradisi yang menanam padi sawah huma, berburu serta menangkap ikan sungai dengan memperoleh pendapatan yang tidak seberapa.





Pada masa kini, kegiatan ekonomi utama penduduk suku kaum Rungus tertumpu kepada sektor pertanian yang lebih menguntungkan. Seluas 54,723 hektar adalah kawasan tanah yang sesuai untuk pertanian. Daripada jumlah tersebut dianggarkan lebih kurang 32,960 hektar telah diusahakan untuk pelbagai tanaman yang berorientasikan tanaman jangka pendek dan jangka panjang. Antara tanaman yang diusahakan oleh suku kaum Rungus adalah penanaman getah secara beramai-ramai di kampung-kampung.

Sektor perikanan juga memainkan peranan utama di mana ianya menjadi penyumbang kedua terbesar selepas pertanian kepada suku kaum Rungus. Sektor ini dilihat semakin berkembang dengan wujudnya beberapa kilang yang mengusahakan industri perikanan. Hasil perikanan kebanyakan dieksport ke negara luar seperti Taiwan, Jepun, Hong Kong dan lain-lain lagi.

Selain itu, sekumpulan penduduk suku kaum Rungus di Kampung Gombizau, Matunggong kira-kira 190 kilometer dari Kota Kinabalu mengusahakan penternakan madu lebah. Apa yang menarik mengenai madu lebah ini selain keenakan dan kemujaraban khasiatnya, proses pengeluarannya turut diusahakan bersama oleh wanita kaum Rungus melalui Kumpulan Wanita Penternak Madu Lebah. Madu segar dan asli ini dikatakan mempunyai banyak keistimewaan. Madu lebah ternak yang sudah siap dibotolkan, biasanya dijual pada harga RM7 bagi setiap setengah liter, manakala madu liar RM18. Penternakan madu lebah ini juga merupakan sebahagian daripada sumber ekonomi kaum Rungus yang bakal dikomersilkan.

Kini, kampung ini sering kali menjadi persinggahan pelancong asing yang melawat Utara Sabah selain Kampung Sumangkap yang menjadi pusat pengeluar gong.





Rahmat Bin Hj Damiri

# PERANAN REVOLUSI INDUSTRI 4.0 (ir4) DALAM PEMBANGUNAN INDUSTRI SENI BUDAYA

Menurut pengasas Forum Ekonomi Dunia, Klaus Schwab dalam bukunya *"The Fourth Industrial Revolution"* menjelaskan Revolusi Industri Keempat ini ditandai dengan kemunculan superkomputer, robot pintar, kenderaan tanpa pengemudi, suntingan genetik dan perkembangan neuroteknologi yang memungkinkan manusia untuk lebih, mengoptimumkan fungsi otak.

Dalam erti kata lain, hidup manusia akan dipermudahkan dengan bantuan robot yang bakal menjadi "kawan" yang akan menguruskan hal ehwal dan tugasan harian. Mungkin sukar untuk digambarkan logik akalnya apabila melihat pesanan piza yang kita lakukan melalui pesanan telefon, akan dihantar dengan menggunakan perkhidmatan dron sampai di depan pintu rumah.

Selain itu, segala urusan rumah seperti mencuci baju, memberi makanan haiwan kesayangan dan mematikan alat pendingin hawa hanya perlu menekan butang di telefon pintar masing-masing tanpa perlu lagi bersusah payah mengambil perkhidmatan pembantu rumah. Untuk ke pejabat pula, kita tidak perlu lagi untuk menghidupkan enjin dan memandu di tengah-tengah jalan raya yang sesak.

Semuanya akan selesai dengan hanya menekan butang kekunci, penumpang boleh menyambung tidur dalam kereta masing-masing dan segala urusan pemanduan akan dikawal sepenuhnya melalui satelit sampai ke tempat yang ingin dituju dengan selamat.

Senario tersebut walaupun pelik, namun secara perlahan-lahan telah mula berkembang dan berevolusi menjadi satu bentuk norma yang biasa pada masa akan datang. Tidak terlepas dalam sektor seni dan budaya. Segala maklumat dan perihal seni budaya turut melibatkan revolusi. Segala urusan harian manusia akan dikongsi bersama robot yang dicipta khusus untuk mengoptimumkan keperluan dan keselesaan manusia. Evolusi perkembangan teknologi pastinya akan turut memberi impak besar kepada semua sektor pekerjaan dalam pelbagai industri dan individu di semua peringkat termasuk seni dan budaya.

Dalam konteks ini penggiat seni budaya wajar menilai kemampuan dan kemahiran masing-masing. Kegagalan untuk mengasah bakat dan kemahiran, akan menyebabkan berlakunya peralihan kerja.

Pengabaian aspek latihan dan pembangunan seni budaya, serta kurangnya kesedaran mengenai kepentingannya boleh menyebabkan sesuatu organisasi atau pengamal seni budaya bakal berdepan cabaran menangani Industri 4.0 seperti penyusutan moral dan motivasi, peningkatan pusing ganti pekerja dan masalah ketidakpuasan kerja dan paling ditakuti hilangnya minat pada seni sekaligus membunuh seni budaya itu. Semua ini menyukarkan pihak termasuklah pengurusan organisasi melaksanakan strateginya dalam melaksanakan perubahan berkesan.

Cabaran Industri 4.0 seharusnya dilihat sebagai satu dimensi peralihan paradigma dalam pembangunan dan pelestarian seni budaya. Dimensi ini mampu membantu organisasi atau pengamal seni budaya itu mencapai kelebihan daya saingnya melalui kecekapan dalam mempergiatkan aktiviti seni budaya sekaligus melibatkan pengurusan operasi dan pengurangan kos secara keseluruhan.

Peralihan kepada teknologi komputer dan pengautomatan membawa kepada kecekapan dan keberkesanan promosi seni budaya yang akan memberi impak besar terhadap perluasan seni budaya. Peningkatan kecekapan memperkasakan seni budaya ini membawa kepada penjimatan kos yang drastik serta meningkatkan keuntungan kepada pengamalnya.

Strategi dan pelaburan organisasi dalam simulasi dan realiti maya, integrasi sistem, industri *Internet of Things (IOT)*, keselamatan siber, pengkomputeran, rantaian bekalan, analisis data raya dan robot automasi, bakal membawa organisasi ke tahap berbeza dalam persaingan perniagaan pada masa depan.

Pencapaian jangka panjang positif Industri 4.0 ini sudah tentu memerlukan komitmen organisasi dalam latihan dan kemahiran pembangunan sumber manusia. Kemahiran yang perlu diberi penekanan kepada sumber manusia meliputi lima komponen penting iaitu **pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah, komunikasi, kerjasama, kreativiti dan kesejahteraan emosi.**



Kelima-lima komponen ini perlu diberi perhatian oleh organisasi dalam merangka strategi menangani cabaran Industri 4.0. Antara kelima-lima aspek ini, kesejahteraan emosi dilihat sebagai komponen pelengkap yang akan menyeimbangkan tuntutan Industri 4.0 dengan keupayaan sumber manusia organisasi. Tekanan persekitaran akibat Industri 4.0 turut meliputi dan menggugat aspek teknologi, sosial, ekonomi, kesejahteraan dan kelangsungan organisasi serta sumber manusia. Jika ia tidak ditangani dengan bijak, tekanan ini boleh menjejaskan kualiti kehidupan di tempat kerja dan juga kehidupan peribadi. Apa yang dibimbangi adalah masalah berkait sumber manusia ini boleh menyebabkan organisasi mengalami penyusutan daya saing yang akhirnya menjejaskan produktiviti organisasi khususnya dan negara amnya.




Secara dasarnya semua pihak perlu memastikan pembangunan inklusif dalam rentak revolusi perindustrian keempat. Sewajarnya kita perlu lebih peka dan bersedia kerana semua teknologi yang sedang pesat berkembang ini telah disebutkan di dalam hadis Rasulullah SAW antara lain memberi maksud bahawa suasana suatu zaman yang masanya menjadi singkat, jarak sudah menjadi dekat dan komunikasi pula menjadi lebih rapat (berdasarkan *hadis diriwayatkan oleh At-Tirmizi)*.

Seiring dengan kefahaman ini, semua sektor perlu mempersiapkan diri tidak kira dalam bidang ekonomi, seni budaya, sosial dan sebagainya. Suasana yang digambarkan telah memaksa manusia untuk turut berevolusi dan tidak statik dengan pendekatan tradisi dalam kehidupan, tetapi melakukan pembaharuan dan pembangunan yang menjurus kepada kaedah kehidupan yang diperbaharui.

Orang tua-tua selalu berpesan agar budaya sediakan payung sebelum hujan perlu sentiasa diamati, lebih-lebih lagi apabila membincangkan tentang revolusi teknologi. Di samping manfaatnya yang banyak, impak globalisasi bakal menggandakan persaingan dan meluaskan capaian.

# TARIAN KOLATTAM

Jumaninor Binti Hanaffi



*Kayu Kol*



*Cara Memegang*

## ASAS TARI KOLATTAM

Kolattam adalah tarian India yang ditarikan dengan menggunakan kayu bersama rentak muzik. Tarian ini boleh ditarikan seramai 8 – 40 orang dan bilangan penari mestilah berjumlah genap kerana tarian ini merupakan tarian berpasangan. Pola lantai biasa yang digunakan dalam tarian kolattam ini berbentuk bulatan, barisan dan pecahan kumpulan yang kecil dan ianya boleh dikoreografikan mengikut kreativiti dan kesesuaian.

## MAAN ADAVU (GERAK PELANDUK)




Gerak maju dan undur sambil mengetuk kayu. Badan dicondongkan ke depan. Kayu tangan kiri mengetuk kayu tangan kanan dan kemudian balas pergerakan yang sama. Manakala kaki kanan angkat sambil melompat.

## SAAINTHA ADAVU (GERAK MENGIRING)




Gerakan sisi kanan dan kiri. Badan dicondongkan ke sisi. Tangan kanan mengetuk kayu tangan kiri dan terus menghayun dari sisi ke depan. Tangan kiri posisi paras dada. Balas pergerakan yang sama. Kaki kanan hentak dan pacak tumit ke sisi seperti posisi 'anchitapada'. Kemudian balas pergerakan yang sama.

## VEESAL ADAVU (GERAK MENGHAYUN)




Badan dicondongkan ke hadapan. Kedua tangan megetuk kayu di paras kepala dan dihayunkan kedua tangan di sisi badan dan kaki kanan melangkah ke arah 45° sambil lutut dibengkokan sedikit manakala kaki kiri digantung.

## JODI TATAL (GERAK KETUK BERPASANGAN)




Kedua tangan mengetuk kayu ke arah depan pasangan. Hayunkan kedua tangan hingga ke belakang sambil mengetuk kayu. Pusing setengah sambil tangan mengetuk kayu paras kepala dan hayun tangan hingga ke belakang. Kaki kanan diangkat dan kaki kiri dibengkokkan sedikit sambil henjut. Kaki kanan dibengkokkan. Letak kaki kanan ke belakang sambil kaki kiri diangkat paras pinggang. Letak kaki kiri sambil badan dipusingkan setengah mengikut ke arah kiri, manakala kaki kiri diangkat separas pinggang.

## VAANAVIL (GERAK PELANGI)




Badan dicondongkan ke sisi kanan dan kiri. Kedua tangan mengetuk kayu dari bawah membuat lengkungan separuh bulatan dari kanan ke kiri dan balas dari kiri ke kanan. Kaki kanan dibengkokkan manakala kaki kiri diluruskan dalam posisi 'anchintapada' dan balas.

## VEESAL-SUTRA ADAVU ( GERAK MENGHAYUN DAN BERPUSING)




Kedua tangan mengetuk kayu di paras kepala sambil kaki kiri diangkat. Kemudian kedua tangan dihayunkan hingga ke belakang sambil mengetuk kayu dan tukar angkat kaki kanan. Pusing setengah sambil tangan membuat putaran di atas dan mengetuk kayu paras kepala dan hayun tangan hingga ke belakang. Kaki kanan diangkat.

## MANDHI ADAVU (POSISI DUDUK MENCANGKUNG DAN KETUK KANAN KIRI)




Dari posisi duduk mencangkung (muzhumandi) bangun dan buka kaki kanan ke sisi kanan manakala kaki kiri dibengkokkan dan badan mengiring ke kiri. Kemudian balas pergerakan.

## MANDHI SUTRAL ADAVU (GERAK DUDUK BERLUTUT DAN PUSING) PENARI LELAKI




Duduk berlutut sebelah kiri sambil membuat gerak pelangi. Kedua tangan mengetuk kayu dari kiri membuat lengkungan separuh bulatan dari kiri ke kanan.

## MANDHI SUTRAL ADAVU (GERAK DUDUK BERLUTUT DAN PUSING) PENARI WANITA




Kedua lutut dibengkokkan sedikit manakala kaki kanan dihentak sambil membuat pusingan. Kayu tangan kanan mengetuk kayu tangan kiri dan membuat pusingan ke bahu kanan serta balas.

## JODI-SUTRAL ADAVU (KETUK BERPASANGAN SAMBIL BERPUSING)




Kaki kanan diangkat manakala kaki kiri di lantai dan kedua lutut dibengkokkan. Letak kaki kanan ke belakang sambil kaki kiri diangkat. Kayu tangan kiri mengetuk kayu pasangan di paras muka dan balas sebelah kanan. Pusing setengah sambil tangan mengetuk kayu di paras kepala dan hayun tangan hingga ke belakang. Letak kaki kiri sambil badan dipusingkan setengah mengikut ke arah kiri, kaki kiri diangkat.

## MAAN SAAITHA ADAVU (GERAK PELANDUK MAJU DAN MENGIRING)




Kaki kiri diangkat sambil melompat dan balas pergerakan yang sama. Kayu tangan kiri ketuk kayu tangan kanan dan balas pergerakan yang sama. Kaki kanan dibengkokkan manakala kaki kiri diluruskan dan balas. Kayu tangan kiri mengetuk kayu tangan kanan dan balas pergerakan yang sama di paras 45° ke kiri.

# Bahan Terbitan

JKKN
JABATAN KEBUDAYAAN
& KESENIAN NEGARA
جباتن كبودايأن دان كسنيان نڬارا
NATIONAL DEPARTMENT FOR CULTURE & ARTS



# BUKU-BUKU TERBITAN JKKN




## KESENIAN & KEBUDAYAAN DALAM PENYUBURAN INTEGRASI NASIONAL DI MALAYSIA

Buku ini merupakan kompilasi tulisan tentang kesenian dan kebudayaan serta hubungannya dengan kerangka pembinaan negara bangsa. Himpunan karya oleh sarjana dari pelbagai disiplin kesenian dan kebudayaan dibentangkan dengan tujuan menggagaskan sebuah wacana bertemakan perpaduan dan integrasi nasional.

**RM 11.00**

ISBN: 978-967-5552-55-7




## MANUSKRIP SYARAHAN PERDANA BUDAYA 2011 - 2016

Buku ini merupakan kompilasi Manuskrip Syarahan Perdana Budaya yang telah dilaksanakan dari tahun 2011 hingga 2016. Program Syarahan Perdana Budaya merupakan program keilmuan yang menjadi wadah dan landasan perkongsian serta ilmu pengetahuan daripada tokoh-tokoh negarawan. Keseluruhan topik pengucapan daripada tokoh-tokoh di atas bertujuan untuk memperkasakan kefahaman masyarakat mendepani masa depan dengan lebih gemilang.

**RM 25.00**

ISBN: 978-967-5552-57-1




## SILAT WARISAN BANGSA MALAYSIA

Silat ialah seni bela diri bangsa Melayu yang kini diiktiraf sebagai seni bela diri dalam Akta Warisan Negara. Ia menjurus kepada silat Melayu yang diamalkan oleh orang-orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu yang dianggap sebagai silat asli tempatan atau silat versi Malaysia yang menjadi maksud pada tajuk Silat Warisan Bangsa Malaysia. Buku ini amat sesuai dibaca, bersesuaian dengan matlamat 1Malaysia dalam agenda membina negara. Untuk mencapai kemajuan bagi negara, rakyat perlu dimajukan dengan membentuk sikap penerimaan antara kaum, yang membawa kepada perpaduaan yang utuh. Apabila perpaduan dicapai, maka urusan pembangunan negara akan berjalan dengan lebih lancar.

**RM 25.00**

ISBN: 97-967- 5552-62- 5




## CERITA LISAN JAKUN : DARI LEMBANGAN ENDAU - ROMPIN

Penerbitan Buku Tradisi LIsan Jakun : Dari Lembangan Endau – Rompin mengetengah dan menonjolkan keunikan dan keistimewaan yang dimilik oleh suku kaum Jakun dalam konteks sastera lisan di Malaysia.

**RM 13.00**

ISBN: 978-967-5552-58-8

## CD / DVD TERBITAN JKKN




### GEMA WARISAN GAMELAN MELAYU

Menghimpunkan lagu-lagu Gamelan yang menampilkan beberapa ciptaan yang sudah lama tidak dimainkan, termasuk lagu-lagu yang tidak pernah dirakamkan dalam mana-mana album Gamelan di pasaran. Kebanyakkan lagu-lagu ini dicipta berdasarkan pada Hikayat Seri Rama. Terdapat juga notasi bagi setiap lagu disertakan untuk panduan umum dan juga bagi tujuan pembelajaran.

**RM 15.00**




### TARIAN NEGERI-NEGERI DI MALAYSIA

Memaparkan rakaman persembahan tarian negeri-negeri termasuk tarian kaum Cina dan India. Tarian-tarian yang dipersembahkan merupakan tarian yang menjadi tanda atau lambang kepada negeri tersebut termasuklah tarian etnik yang jarang diperlihatkan kepada umum.

**RM 20.00**









## KATEGORI BUKU

| BIL. | TAJUK | TAHUN TERBITAN | HARGA RM |
|---|---|---|---|
| 1. | Alat-alat Muzik Dan Muzik Instrumental Kadazan Dusun Tambunan | 2003 | 8.50 |
| 2. | Alat Muzik Sompoton Negeri Sabah | 2003 | 8.50 |
| 3. | Istiadat Naik Buai | 2003 | 8.50 |
| 4. | Koleksi Pengenalan Tarian & Muzik Tradisional Negeri Pahang | 2003 | 10.00 |
| 5. | Sejarah dan Perkembangan Tarian Tarinai Perlis | 2003 | 8.50 |
| 6. | Set Koleksi Siri Mengenal Budaya 1/2003 (Dabus, Hamdolok,Mek Mulung, Dikir Barat, Boria, Jikey dan Wayang Kulit) | 2003 | 48.00 |
| 7. | A Collection Of Cultural Appreaciation Series 1/2003 (Dabus, Hamdolok,Mek Mulung, Dikir Barat, Boria, Jikey dan Wayang Kulit) | 2003 | 48.00 |
| 8. | Biografi Primadona Bangsawan : Aminah Nani | 2004 | 12.00 |
| 9. | Joget Lambak | 2004 | 10.00 |
| 10. | Nyanyian Rakyat Khazanah Bangsa Yang Hilang | 2004 | 12.00 |
| 11. | Penyair Laut J. M. Aziz | 2004 | 30.00 |
| 12. | Syair Asyiqin | 2004 | 12.00 |
| 13. | Tamadun Rumpun Budaya Melayu | 2004 | 20.00 |
| 14. | Wayang Gedek Kesenian Warisan Melayu | 2004 | 15.00 |
| 15. | Anak Raja Gondang dan Lain-Lain Cerita Makyung | 2005 | 15.00 |
| 16. | Aspek Lakonan Dalam Teater Bangsawan (Kulit Tebal) | 2005 | 43.00 |
| 17. | Aspek Lakonan Dalam Teater Bangsawan (Kulit Nipis) | 2005 | 35.00 |
| 18. | Acting Aspect in Bangsawan Theatre | 2005 | 35.00 |
| 19. | Negeri Kebayan dan Lain-Lain Cerita | 2005 | 15.00 |
| 20. | Seri Terengganu | 2005 | 25.00 |
| 21. | 1000 Pantun Dondang Sayang | 2006 | 20.00 |
| 22. | Adat Resam Masyarakat Malaysia | 2006 | 18.00 |
| 23. | Hari-Hari Perayaan Masyarakat Malaysia | 2006 | 18.00 |
| 24. | Joget Gamelan Terengganu & Pahang | 2006 | 78.00 |
| 25. | Resepi Nasi 100 | 2006 | 30.00 |
| 26. | Syed Alwi Seniman Negara (Kulit Tebal) | 2006 | 52.00 |
| 27. | Syed Alwi Seniman Negara (Kulit Nipis) | 2006 | 30.00 |
| 28. | Syed Alwi Artiste Extraordinaire | 2006 | 30.00 |
| 29. | Tradisi Lisan Bercorak Cerita | 2006 | 30.00 |






| BIL. | TAJUK | TAHUN TERBITAN | HARGA RM |
|---|---|---|---|
| 30. | Alam Terbentang Menjadi Guru | 2008 | 20.00 |
| 31. | Budaya & Masyarakat Berbilang Kaum di Malaysia (Jilid 1) | 2008 | 20.00 |
| 32. | Bahasa Melayu Titian Ilmu (Jilid II) | 2008 | 20.00 |
| 33. | Sastera Kebangsaan, Pendidikan Sastera dan Pembinaan Negara (Jilid III) | 2008 | 20.00 |
| 34. | Hari-hari Perayaan Masyarakat Malaysia (Bahasa Mandarin) | 2008 | 35.00 |
| 35. | Malaysian Festivals | 2008 | 25.00 |
| 36. | Kisah Ombak Tiga Bersaudara | 2008 | 23.00 |
| 37. | Pantun Warisan Rakyat | 2008 | 15.00 |
| 38. | Alat Muzik Tradisional Dalam Masyarakat Melayu Di Malaysia | 2009 | 23.00 |
| 39. | Plural Culture & Society In Malaysia | 2009 | 20.00 |
| 40. | Lundayeh Dictionary | 2009 | 45.00 |
| 41. | Kebudayaan Malaysia (Kulit Tebal) | 2009 | 20.00 |
| 42. | Kebudayaan Malaysia (Kulit Nipis) | 2009 | 17.00 |
| 43. | Malaysian Culture (Kulit Tebal) | 2009 | 20.00 |
| 44. | Malaysian Culture (Kulit Nipis) | 2009 | 17.00 |
| 45. | Koleksi Lagu-lagu Koir Kebangsaan (Bersama CD) | 2009 | 33.00 |
| 46. | Pemikiran Kesusasteraan : Wajah dan Wadah Kebudayaan Kebangsaan | 2009 | 16.50 |
| 47. | Siri Penyelidikan Seni dan Budaya Selangor Darul Ehsan : Dabus | 2009 | 10.00 |
| 48. | Malaysian Customs & Traditions | 2010 | 28.00 |
| 49. | Gagasan 1Malaysia Melalui Landasan Seni dan Budaya | 2010 | 25.00 |
| 50. | Siri Penyelidikan Seni dan Budaya Selangor Darul Ehsan : Kompang Jawa | 2010 | 15.00 |
| 51. | Siri Tokoh Anugerah Seni Negara (Haji Abdul Rahman Abu Bakar, Datuk Dr. Ahmad Nawab bin Nawab Khan dan YB. Senator Tan Sri Datuk Jins Shamsudin) | 2010 | 42.00 |
| 52. | Bahasa Dijajaran Masa | 2011 | 15.00 |
| 53. | Biografi Tokoh Budaya Negeri Perlis | 2011 | 25.00 |
| 54. | Budaya & Masyarakat Berbilang Kaum di Malaysia (Mandarin) | 2011 | 20.00 |
| 55. | The Malays Language : Bridge To Knowledge (Volume II) | 2011 | 20.00 |
| 56. | Koleksi Puisi Tradisional Berbalas Pantun Merakam Zaman | 2011 | 35.00 |
| 57. | Kanjet | 2012 | 25.00 |
| 58. | Lirikan Lirik | 2012 | 30.00 |
| 59. | Perkahwinan Masyarakat Di Malaysia | 2012 | 30.00 |
| 60. | Gambus : Sejarah, Instrumentasi & Gaya Permainan Di Johor | 2013 | 25.00 |
| 61. | Monograf Seni Budaya Bil. 1 | 2013 | 30.00 |
| 62. | Monograf Seni Budaya Bil. 2 | 2013 | 24.00 |
| 63. | Bobolian : Seni Teater Etnik Dusun | 2014 | 34.00 |
| 64. | The Traditional Musical Instruments Of The Malays In Malaysia | 2014 | 27.00 |
| 65. | Seni Berbari | 2014 | 34.00 |
| 66. | Perubahan Sosio Budaya Dalam Masyarakat | 2014 | 33.00 |
| 67. | Malaysian Weddings | 2014 | 28.00 |
| 68. | Globalisasi & Cabaran Budaya Di Malaysia | 2015 | 20.00 |
| 69. | Modul Inspitari Siri 1 : Pilihan Tarian-Tarian Inspitari 2013 (Bersama DVD) | 2015 | 45.00 |
| 70. | Koleksi Pantun Majlis Rasmi | 2015 | 10.00 |
| 71. | Modul Pengajaran & Pembelajaran Mak Yung | 2015 | 23.00 |
| 72. | Koleksi Skrip Siri Semarak Bangsawan | 2015 | 20.00 |
| 73. | Cerita Lisan Jakun : Dari Lembangan Endau – Rompin | 2016 | 13.00 |
| 74. | Kesenian & Kebudayaan Dalam Penyuburan Integrasi Nasional Di Malaysia | 2016 | 11.00 |
| 75. | Manuskrip Syarahan Perdana Budaya 2011- 2016 | 2016 | 25.00 |






## KATEGORI CD/VCD/DVD

| BIL. | TAJUK | BAHAN | TAHUN TERBITAN | HARGA RM |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Semangat Merdeka | VCD | 2003 | 10.00 |
| 2. | Festival Kesenian ASEAN | VCD | 2003 | 10.00 |
| 3. | Festival Kesenian Kanak-Kanak 2003 | VCD | 2003 | 10.00 |
| 4. | Dendang Rakyat Terengganu | CD | 2003 | 10.00 |
| 5. | Instrumental Keroncong | CD | 2003 | 10.00 |
| 6. | Lagu-lagu Kumpulan Tumbuk Kalang | CD | 2003 | 10.00 |
| 7. | Muzik & Lagu Tradisional Perak | CD | 2003 | 10.00 |
| 8. | Festival Kesenian Kanak-Kanak 2004 | VCD | 2004 | 10.00 |
| 9. | Kesenian Tradisional Negeri Melaka | VCD | 2004 | 10.00 |
| 10. | Lagu-Lagu Melayu Sarawak : Tergeleng-geleng | CD | 2004 | 10.00 |
| 11. | Lagu-Lagu Rakyat Negeri Pahang : Roslan Madun | CD | 2004 | 10.00 |
| 12. | Majlis Kenduri Adat Melenggang Perut | VCD | 2005 | 10.00 |
| 13. | Perkahwinan Adat Rembau | VCD | 2005 | 10.00 |
| 14. | Persembahan Wayang Gedek Seri Asun | VCD | 2005 | 10.00 |
| 15. | Selampit Raja Besar Ho Gading | VCD | 2005 | 10.00 |
| 16. | Siri Dokumentari Kesenian Tradisional Malaysia : Jikey | VCD | 2005 | 10.00 |
| 17. | Siri Dokumentari Kesenian Tradisional Malaysia : Hamdolok | VCD | 2005 | 10.00 |
| 18. | Tarian Tradisional Terengganu | VCD | 2005 | 10.00 |
| 19. | Tunas Budaya | VCD | 2005 | 10.00 |
| 20. | Upacara Pasak Indong : Majlis Kenduri Adat Kaum Tidong | VCD | 2005 | 10.00 |
| 21. | Dendangan Indera Kayangan | CD | 2005 | 10.00 |
| 22. | Pertandingan Akhir Bintang Asli Remaja Kebangsaan 2007 | CD | 2007 | 10.00 |
| 23. | Senam Seni (Lama) | DVD | 2008 | 10.00 |
| 24. | Bintang Asli Remaja 2006 | CD | 2008 | 15.00 |
| 25. | Dodoi Si Manja | VCD | 2008 | 10.00 |
| 26. | Pembelajaran Tarian-Tarian Malaysia | DVD | 2008 | 15.00 |
| 27. | Folk Tunes of Malaysia | CD | 2008 | 10.00 |
| 28. | Irama Asli (Minus One) | CD | 2008 | 20.00 |
| 29. | Irama Malaysia (Minus One) | CD | 2008 | 20.00 |
| 30. | Lagu-Lagu Rakyat Malaysia : Zainal Abidin | CD | 2008 | 10.00 |
| 31. | Festival Tari Kebangsaan 2009 | DVD | 2010 | 20.00 |
| 32. | Senam 1 Malaysia (Baru) | DVD | 2010 | 10.00 |
| 33. | Bangsawan 5 Bersaudara | DVD | 2011 | 20.00 |
| 34. | Inspitari 2010 | DVD | 2011 | 20.00 |
| 35. | Bangsawan Celorong Cheloreng | DVD | | 10.00 |
| 36. | Gerak 2011 | DVD | | 10.00 |
| 37. | Inspitari 2011 : Inspirasi Tari Malaysia (Bersama Buku) | DVD | | 30.00 |
| 38. | Inspitari 2012 | DVD | | 20.00 |
| 39. | Inspitari 2013 | DVD | | 26.00 |
| 40. | Puisi Tradisional | CD | | 13.00 |
| 41. | Karaoke Lagu Rakyat Malaysia | DVD & CD | | 20.00 |
| 42. | Konsert Koir Kebangsaan – Kembara Muzikal Teater & Filem | DVD | | 20.00 |
| 43. | Konsert Koir Kebangsaan – 'Voices Of Harmony' | CD | | 20.00 |
| 44. | A Malaysian Journey : Dennis Lau | CD | | 20.00 |
| 45. | Tingkah! – Muzik Paluan & Pergendangan | CD | | 15.00 |
| 46. | Inspitari 2014 | DVD | | 20.00 |
| 47. | Koleksi Tarian Negeri-Negeri Di Malaysia | DVD | | 20.00 |
| 48. | Gema Warisan – Gamelan Melayu | CD | | 15.00 |
| 49. | Lagu-Lagu Inspitari 2013 | CD | | 15.00 |
| 50. | Lagu-Lagu Inspitari 2014 | CD | | 15.00 |
| 51. | Lagu-Lagu Inspitari 2015 | CD | | 15.00 |

# JKKN

JABATAN KEBUDAYAAN & KESENIAN NEGARA

**Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara**
Aras 14,18,19,26,27,30 Dan 34
Lot 1001, Menara TH Perdana
Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
No. Tel. : 03-2614 8200
Faks : 03-2697 0884

**Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Selangor,**
Lot 22.2 Tingkat 22, Wisma MBSA
Persiaran Perbandaran,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan
No. Tel : 03 - 5510 2664/2791
No. Faks : 03 - 5510 2839

**Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Pahang,**
Kompleks JKKN Pahang,
Lot 67100, Jalan Tok Sisek,
25000 Kuantan,
Pahang Darul Makmur
No. Tel : 09 - 517 8466
No. Faks : 09 - 517 9466

**Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Perlis,**
Kompleks JKKN Perlis,
Persiaran Wawasan Kangar,
01000 Kangar,
Perlis Indera Kayangan,
No. Tel : 04 - 979 3604
No. Faks : 04 - 977 0117

**Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Wilayah Persekutuan,**
Kompleks JKKN Wpkl,
Jalan Tun H.S Lee,
50000 Kuala Lumpur
No. Tel : 03 - 2072 6431/6779
No. Faks : 03 - 2070 4064

**Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Terengganu,**
Kompleks JKKN Terengganu,
Kuala Ibai,
20400 Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman
No. Tel : 09 - 617 8831
No. Faks : 09 - 617 8832

**Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Kedah,**
Kompleks JKKN Kedah,
Lot PtD 400,
05250 Alor Setar,
Kedah Darul Aman,
No. Tel : 04 - 731 5930
No. Faks : 04 - 733 8128

**Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Negeri Sembilan,**
Kompleks JKKN
Negeri Sembilan,
Jalan Sungai Ujong,
70200 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus
No. Tel : 06 - 767 6793 /
763 6308
No. Faks : 06 - 763 4417

**Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Kelantan,**
Lot 1993, Seksyen 49,
Tanjong Chat,
15200 Kota Bharu,
Kelantan Darul Naim
No. Tel : 09 - 741 7000
No. Faks : 09 - 741 7004

**Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Pulau Pinang,**
Kompleks JKKN Pulau Pinang,
Kompleks Pusaka Warisan Seni,
Lot No. 2180 Jalan Rawang,
Off Jalan P. Ramlee,
10460 Pulau Pinang
No. Tel : 04 - 281 7791/7792
No. Faks : 04 - 281 7781

**Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Melaka,**
Kompleks JKKN Melaka,
Lebuh Ayer Keroh,
75450 Melaka
No. Tel : 06 - 233 1790/233 1787
No. Faks : 06 - 233 1784

**Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Sarawak,**
Tingkat 5 Bangunan Sultan
Iskandar,
Jalan Simpang Tiga,
93000 Kuching,
Sarawak
No. Tel : 082 - 422 006/423 106
No. Faks : 082 - 244 394

**Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Perak,**
Kompleks JKKN Perak,
Lot 20561 @ 20565,
Jalan Cardwell,
Off Jalan Raja Di Hilir
30350 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan
No. Tel : 05 - 253 7001
No. Faks : 05 - 241 7017

**Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Johor,**
Aras 6 Kiri, Wisma Perkeso,
No 26, Jalan Susur 5,
Off Jalan Tun Abdul Razak, Larkin,
80200 Johor Bahru,
Johor Darul Takzim
No. Tel : 07 - 224 8270/223 1249
No. Faks : 07 - 223 9413

**Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Sabah,**
Kompleks Jkkn Sabah,
Km 4 Jalan Penampang,
88200 Kota Kinabalu,
Sabah
No. Tel : 088 - 237052/051
No. Faks : 088 - 242 052

**www.jkkn.gov.my**
**#myseniBudaya**
"Semarakkan Seni Budaya Malaysia"

Cawangan Dokumentasi & Penerbitan
Tingkat 30, Menara TH Perdana, Lot 1001 Jalan Sultan Ismail, 50250
Kuala Lumpur.